

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

JABATAN KERJA RAYA

1. PENGURUSAN PROJEK PEMBINAAN SEKOLAH

FAKTA UTAMA

87 Projek

- Bilangan projek pembinaan sekolah baharu

RM2.899 Bilion

- Kos projek pembinaan sekolah

4 hingga 11 Tahun

- Tempoh masa yang diambil untuk pembinaan satu sekolah baharu selepas kelulusan Unit Perancang Ekonomi (UPE)

Tumpuan objektif projek

Pembinaan sekolah baharu bertujuan untuk menampung lebihan murid dan memenuhi visi ke arah sekolah satu sesi

Kementerian Pendidikan

Menyelaras dan mengangkat permohonan pelaksanaan projek untuk kelulusan Unit Perancang Ekonomi. Mengurus perolehan kerja selepas kelulusan projek dan memantau pelaksanaan projek

Jabatan Pendidikan Negeri

Merancang keperluan sekolah baharu untuk pertimbangan di peringkat Kementerian Pendidikan (KPM)

Jabatan Kerja Raya

Mengurus perolehan kerja dan memantau pelaksanaan projek

1. LATAR BELAKANG

1.1. Berdasarkan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Kementerian Pendidikan (KPM) bertanggungjawab untuk menubuhkan dan menyediakan kemudahan pendidikan di peringkat pra sekolah, pendidikan rendah, menengah, lepasan menengah dan tinggi. Objektif pembinaan sekolah ini adalah untuk menyediakan tempat pembelajaran yang lebih selesa, kondusif dan lengkap untuk murid di kawasan berkenaan serta persekitarannya. Pembinaannya juga bertujuan untuk menampung lebihan murid di sekolah berhampiran akibat pertambahan penduduk dan kewujudan kawasan perumahan baharu serta menjadikan sekolah ke arah satu sesi.

1.2. Pelaksanaan kemudahan pendidikan hendaklah memenuhi pelan pembangunan perancangan kemudahan masyarakat selaras dengan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Perancangan kemudahan pendidikan ini digariskan dalam Garis Panduan (GP) Perancangan Kemudahan Masyarakat (GP 004-A) tahun 2013 di bawah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (kini dikenali sebagai PLANMalaysia), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. GP tersebut bertujuan untuk membantu Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi pelaksana dan pemaju menyediakan kemudahan masyarakat yang secukupnya dalam membangunkan sesuatu kawasan ke arah mewujudkan komuniti sejahtera.

1.3. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), KPM bertanggungjawab mengumpul dan menyelaras cadangan projek pembinaan yang

diterima daripada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) untuk kelulusan di peringkat Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Projek yang telah diluluskan akan dilaksanakan oleh empat agensi pelaksana, iaitu KPM, Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia, JKR Sabah atau JKR Sarawak.

1.4. Berdasarkan rekod Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) dan MyProjek bertarikh 5 Januari 2022, sebanyak 657 projek pembinaan sekolah berjumlah RM11.422 bilion telah diluluskan pelaksanaannya di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Projek ini meliputi 462 (70.3%) projek baharu berjumlah RM6.996 bilion dan 195 (29.7%) projek sambungan berjumlah RM4.425 bilion. Projek sambungan adalah projek yang diluluskan dalam tempoh Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) terdahulu yang belum siap dan diteruskan dalam tempoh pelaksanaan RMLT semasa.

1.5. Sebanyak 87 daripada 657 projek pembinaan sekolah di bawah RMKe-11 adalah dengan tujuan menampung lebihan murid dan memenuhi visi ke arah sekolah satu sesi. Daripada 87 projek tersebut, sebanyak 65 projek dilaksanakan dengan objektif ke arah sekolah satu sesi, 15 projek dengan objektif menampung lebihan murid manakala tujuh projek meliputi kedua-dua objektif yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PROJEK PEMBINAAN SEKOLAH DI BAWAH RMKe-11

BIL.	JENIS PROJEK	BIL. PROJEK		BIL PROJEK DENGAN OBJEKTIF MENAMPUNG LEBIHAN MURID DAN KE ARAH SEKOLAH SATU SESI	
		BIL.	RM JUTA	BIL.	RM JUTA
1.	Projek baharu RMKe-11	462	6,996.05	35	1,286.06
2.	Projek sambungan RMKe-10	137	3,031.38	42	1,310.81
3.	Projek sambungan RMKe-9	58	1,394.07	10	301.92
JUMLAH		657	11,421.50	87	2,898.79

Sumber: Analisis Data SPP II dan Sistem MyProjek Bertarikh 5 Januari 2022

1.6. Secara keseluruhan setakat 31 Disember 2021, sebanyak 10,224 sekolah di bawah KPM telah dibina antaranya meliputi Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Sekolah Sukan Malaysia, Sekolah Seni dan Kolej Vokasional.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan projek pembinaan sekolah telah dirancang dan dilaksanakan secara berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif menampung lebihan murid dan ke arah menjadikan sekolah satu sesi.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi projek dan pengurusan projek pembinaan sekolah. Prestasi projek dinilai berdasarkan dua perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan projek. Pengurusan projek pula meliputi dua perkara iaitu pencapaian kewangan dan pelaksanaan projek.

3.2. Skop pengauditan adalah terhadap projek pembinaan sekolah baharu yang dilaksanakan dalam tempoh tahun 2016 hingga 2021 yang diluluskan di bawah RMKe-11 dan projek sambungan.

3.3. Tumpuan pengauditan adalah terhadap 87 projek pembinaan sekolah baharu dengan objektif untuk menampung lebihan murid dan ke arah sekolah satu sesi. Sampel Audit meliputi 19 projek pembinaan sekolah baharu yang dilaksanakan dalam tempoh tahun 2016 hingga 2021 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL), negeri Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
SAMPEL PROJEK PEMBINAAN SEKOLAH YANG DIAUDIT

BIL.	PROJEK SEKOLAH/ BIL. BILIK DARJAH (BD)	AGENSI PELAKSANA	KOS KONTRAK (RM Juta)	MENAMPUNG LEBIHAN MURID	KE ARAH SEKOLAH SATU SESI
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur					
1.	SMK Jalan Sungai Besi, Salak Selatan / 24 BD	KPM	27.64	✓	✓
Negeri Selangor					
2.	SJKT Taman Sentosa, Klang / 24 BD	KPM	21.49		✓
3.	SK Puncak Perdana, Klang / 12 BD	KPM	12.00		✓
4.	SK Telok Kapas, Klang / 30 BD	KPM	32.00*		✓
5.	Projek Asal: SK Putra Height 2, Petaling / 24 BD	KPM	18.06		
	Projek Penyiap: SK Putra Height 2, Petaling / 24 BD		8.49		✓
6.	SK Denai Alam, Petaling / 18 BD	KPM	18.25		✓
7.	SJKT Taman PJS 1, Petaling / 24 BD	KPM	19.62		✓
8.	SK Taman Pelangi, Semenyih / 24 BD	KPM	20.70		✓
9.	Projek Asal: SK Saujana Putra, Telok Datok / 24 BD	KPM	23.86		
	Projek Penyiap: SK Saujana Putra, Telok Datok / 24 BD		18.68		✓
10.	SMK Bukit Mahkota, Bangi / 42 BD	JKR	53.20		✓
11.	SK Ukay Sungai Sering, Gombak / 30 BD	KPM	23.70*		✓
Negeri Sembilan					
12.	SK Nusari, Seremban / 24 BD	JKR	12.03*	✓	
13.	Projek Asal: SK Bandar Enstek, Nilai / 18 BD	KPM	11.92		
	Projek Penyiap: SK Bandar Enstek, Nilai / 18 BD		8.97		✓
14.	SK Nilai Impian, Nilai / 24 BD	KPM	22.90		✓
15.	SMK Nilai Impian, Nilai / 24 BD	KPM	26.66	✓	✓

BIL.	PROJEK SEKOLAH/ BIL. BILIK DARJAH (BD)	AGENSI PELAKSANA	KOS KONTRAK (RM Juta)	MENAMPUNG LEBIHAN MURID	KE ARAH SEKOLAH SATU SESI
Negeri Melaka					
16.	SK Taman Merdeka, Melaka Tengah / 24 BD	KPM	23.14		✓
17.	SK Duyong 2, Duyong, Melaka Tengah / 18 BD	KPM	23.50*		✓
18.	SMK Krubong Melaka, Melaka Tengah / 24 BD	KPM	23.85	✓	✓
19.	SK Krubong 2, Melaka, Melaka Tengah / 24 BD dan 6 PPKI	KPM	30.21		✓
JUMLAH			480.87		

Sumber: Rekod Kelulusan Projek daripada UPE, Analisis Data SPP II dan Sistem MyProjek Bertarikh 5 Januari 2022 dan Dokumen Kontrak

Nota: (*) - Berdasarkan Kos Siling dalam SPP II/MyProjek Disebabkan Tiada Maklumat Kos Kontrak. Projek SK Nusari Dilaksanakan oleh Pemaju Secara *Corporate Social Responsibility* (CSR), Manakala SK Telok Kapas, SK Ukay Sungai Sering dan SK Duyong 2 Masih Belum Dibuat Pelantikan Kontraktor

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

4.1. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dokumen dan kontrak serta menganalisis rekod berkaitan projek pembinaan sekolah. Temu bual dan perbincangan juga diadakan dengan pegawai terlibat di Bahagian Pembangunan Pendidikan (BPP) serta BPPDP, KPM; Cawangan Kerja Pendidikan JKR; PLANMalaysia dan PBT yang berkenaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, negeri Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan serta kontraktor/perunding.

4.2. Pemeriksaan fizikal Audit di 19 tapak projek yang dipilih juga dilaksanakan antara bulan November 2021 hingga Januari 2022. Borang soal selidik diedarkan kepada guru meliputi 1,811 guru di 37 sekolah berhampiran tapak projek sekolah baharu dan 112 guru di empat sekolah baharu yang telah siap dan memulakan sesi persekolahan. Maklum balas guru dianalisis dan dinilai bagi menentukan kepadatan murid dan kesan kepada proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan antara bulan Oktober 2021 hingga Mac 2022 dan perkara yang ditemui serta maklum balas daripada KPM, JKR Malaysia dan UPE telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 27 Mei 2022. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

5.1. Prestasi Projek

5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

5.1.1.1. Mengikut rekod SPP II dan MyProjek bertarikh 5 Januari 2022, sebanyak 657 projek pembinaan sekolah berjumlah RM11.422 bilion dilaksanakan di seluruh Malaysia dalam tempoh RMKe-11 dengan tempoh penyiapan antara tahun 2016

hingga 2024. Sebanyak 87 (13.2%) daripada 657 projek tersebut berjumlah RM2.899 bilion dilaksanakan dengan tujuan menampung lebihan murid dan ke arah menjadikan sekolah satu sesi. Analisis Audit terhadap status pelaksanaan 87 projek tersebut mendapat setakat 31 Disember 2021, sebanyak 27 (31.0%) projek berjumlah RM851.58 juta telah siap meliputi lapan projek baharu dan 19 projek sambungan. Manakala, 60 (69.0%) projek masih dalam pelaksanaan/belum mula meliputi 27 projek baharu dan 33 projek sambungan yang terdiri daripada 32 projek RMKe-10 dan satu projek RMKe-9. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3**.


**JADUAL 3
STATUS 87 PROJEK PEMBINAAN SEKOLAH SETAKAT 31 DISEMBER 2021**

TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK	PROJEK		KOS PROJEK (RM Juta)	SIAP			DALAM PELAKSANAAN		
	BIL.	%		BIL.	%	RM JUTA	BIL.	%	RM JUTA
Projek Baharu (RMKe-11)	35	40.2	1,286.06	8	22.9	325.22	27	77.1	960.84
Projek Sambungan:									
RMKe-10	42	48.3	1,310.81	10	23.8	271.81	32	76.2	1,039.00
RMKe-9	10	11.5	301.92	9	90.0	254.55	1	10.0	47.37
JUMLAH PROJEK SAMBUNGAN	52	59.8	1,612.73	19	36.5	526.36	33	63.5	1,086.37
JUMLAH KESELURUHAN	87	100	2,898.79	27	31.0	851.58	60	69.0	2,047.21

Sumber: Analisis Data SPP II dan Sistem MyProjek Bertarikh 5 Januari 2022

5.1.1.2. Semakan Audit selanjutnya mendapat hanya 10 projek siap mengikut jadual asal, manakala 14 projek disiapkan dalam tempoh Pelanjutan Masa (EOT) dan tiga projek pula hanya disiapkan selepas tamat tempoh EOT. Bagi projek yang masih dalam pelaksanaan, semakan Audit mendapat tiga projek masih dalam tempoh jadual asal manakala 50 projek telah diberikan kelulusan EOT meliputi 20 projek baharu dan 30 projek sambungan. Tujuh projek pula masih belum disiapkan walaupun telah melebihi tempoh EOT yang diluluskan melibatkan lima projek baharu dan dua projek sambungan, masing-masing satu projek sambungan dari RMKe-9 dan satu projek dari RMKe-10. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Rajah 1** dan **Carta 1**.


RAJAH 1
STATUS 87 PROJEK YANG DIBINA DENGAN OBJEKTIF MENAMPUNG
LEBIHAN MURID DAN KE ARAH SEKOLAH SATU SESI



Sumber: Analisis Data SPPII dan MyProjek Bertarikh 5 Januari 2022

Nota: IJ - Ikut Jadual; EOT - Dalam Tempoh Pelanjutan Masa; LJ - Lewat Jadual (Melebihi Tempoh Siap Semasa)

CARTA 1
ANALISIS 87 PROJEK YANG DIBINA DENGAN OBJEKTIF MENAMPUNG
LEBIHAN MURID DAN KE ARAH SEKOLAH SATU SESI



Sumber: Analisis Data SPPII dan MyProjek Bertarikh 5 Januari 2022

5.1.1.3. Analisis Audit telah dijalankan terhadap tempoh pelaksanaan 19 sampel projek bermula daripada kelulusan UPE sehingga kedudukan terkini pada 31 Disember 2021. Projek ini meliputi sepuluh projek baru yang diluluskan pelaksanaannya dalam tempoh RMKe-11, sebanyak lapan projek sambungan RMKe-10 dan satu projek sambungan RMKe-9. Analisis Audit mendapati perkara berikut:

a. Pencapaian Fizikal Projek Baharu RMKe-11

- i. Semakan Audit mendapati satu projek dilaksanakan secara *corporate social responsibility* (CSR) oleh pemaju dan diserahkan kepada KPM pada tahun 2018. Lapan projek pula telah dibuat pelantikan kontraktor dan tempoh penyiapan yang ditetapkan adalah pada tahun 2024 bagi satu

projek, tahun 2023 bagi dua projek dan tahun 2020 bagi lima projek. Selain itu, **satu projek masih belum dibuat pelantikan kontraktor walaupun telah diluluskan pelaksanaannya oleh UPE pada tahun 2016.**

- ii. Bagi lima projek yang sepatutnya disiapkan pada tahun 2020, setakat 31 Disember 2021 semakan Audit mendapati perkara berikut:
 - Satu projek berjaya disiapkan dengan EOT selama 12 bulan. **Secara keseluruhan projek ini mengambil masa selama lima tahun dua bulan untuk disiapkan daripada tahun kelulusan pelaksanaan projek oleh UPE.**
 - Empat projek masih dalam fasa pelaksanaan dan telah diluluskan sebanyak dua hingga tiga EOT. Kesemua empat projek tersebut telah melebihi tarikh penyiapan semasa antara empat hingga sepuluh bulan. Setakat 31 Disember 2021, Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) berjumlah RM3.48 juta telah dikenakan kepada dua kontraktor.
- iii. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4.**

**JADUAL 4
STATUS SEPULUH SAMPEL PROJEK BAHRU RMKE-11 SETAKAT 31 DISEMBER 2021**

BIL.	PROJEK SEKOLAH	TAHUN PROJEK DILULUS OLEH UPE** (a)	TARIKH LANTIKAN KONTRAKTOR	TEMPOH KONTRAK ASAL		EOT		TARIKH SIAP BARU SELEPAS EOT (c)	STATUS PROJEK (d)	TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK (Bulan)			
				TARIKH MULA DAN SIAP (b)	TEMPOH (Bulan) BIL. (d) - (a)	BIL. (e)	JUMLAH (Hari) (d) - (b)			E (d) - (c)	F (d) - (b)	G (d) - (c)	
Projek Telah Siap													
1.	SK Nusari	2016		Projek dilaksanakan oleh pemaju secara CSR					Serah KPM: 28.06.2018	30	-	-	
2.	SMK Nilai Impian	2016	21.02.2018	07.03.2018 - 04.03.2020	24	4	365	04.03.2021	Siap: 04.03.2021	62	12	0	
Projek Dalam Pelaksanaan													
3.	SK Nilai Impian	2016	29.01.2018	12.02.2018 - 10.02.2020	24	3	378	22.02.2021	Belum siap (99.0%)*	72	22	10	
4.	SMK Krubong	2016	19.03.2018	02.04.2018 - 30.03.2020	24	3	447	20.06.2021	Belum siap (99.0%)*	72	21	6	
5.	SK Taman Pelangi	2016	04.10.2018	22.10.2018 - 19.10.2020	24	2	240	16.06.2021	Belum siap (58.0%)*	72	14	6	
6.	SK Krubong 2	2016	26.10.2018	09.11.2018 - 06.11.2020	24	2	301	03.09.2021	Belum siap (25.0%)*	72	14	4	

BIL.	PROJEK SEKOLAH	TAHUN PROJEK DILULUS OLEH UPE** (a)	TARIKH LANTIKAN KONTRAKTOR	TEMPOH KONTRAK ASAL		EOT		TARIKH SIAP BARU SELEPAS EOT (c)	STATUS PROJEK (d)	TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK (Bulan)		
				TARIKH MULA DAN SIAP (b)	TEMPOH (Bulan) BIL.	JUMLAH (Hari) JUMLAH (Hari)	E			F	G	
							(d) - (a)			(d) - (b)	(d) - (c)	
7.	SK Denai Alam	2016	29.12.2020	01.02.2021 - 30.01.2023	24	-	-	-	Belum siap (7.0%)*	72	-	-
8.	SMK Jalan Sungai Besi	2016	17.03.2021	01.04.2021 - 30.03.2023	24	-	-	-	Belum siap (7.0%)*	72	-	-
9.	SMK Bukit Mahkota	2018	12.08.2021	23.08.2021 - 03.03.2024	30	-	-	-	Belum siap (1.0%)*	48	-	-
Projek Belum Mula												
10.	SK Duyong 2	2016		Pelantikan kontraktor belum dibuat						72	-	-

Sumber: SST, Dokumen Kontrak, EOT, Perakuan Siap Kerja (CPC)

Nota: E - Berbanding Tempoh Kelulusan UPE; F - Berbanding Tempoh Siap Asal; G - Berbanding Tempoh Siap Selepas EOT Terakhir

(*) - Peratus Kemajuan Sebenar Projek Sehingga 31 Disember 2021

(**) - Tahun Projek Diluluskan oleh UPE adalah Berdasarkan Tarikh 1 Januari

b. Pencapaian Fizikal Projek Sambungan RMKe-10

Setakat 31 Disember 2021, sebanyak **dua daripada lapan projek sambungan RMKe-10 masih belum dibuat pelantikan kontraktor walaupun telah diluluskan pelaksanaannya oleh UPE pada tahun 2011 dan 2015**. Bagi enam projek yang telah dibuat pelantikan kontraktor, tempoh penyiapan projek yang ditetapkan adalah masing-masing satu projek pada tahun 2012 dan 2014 serta masing-masing dua projek pada tahun 2017 dan 2019. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkara berikut:

- Empat projek telah disiapkan termasuk satu projek yang disiapkan oleh kontraktor penyiap. Tiga projek yang disiapkan oleh kontraktor asal telah diluluskan dua hingga tiga EOT selama enam hingga 23 bulan. Bagi projek yang disiapkan oleh kontraktor penyiap, dua EOT telah diluluskan dengan tempoh selama lima bulan. **Secara keseluruhan empat projek ini mengambil masa selama empat tahun dua bulan hingga lima tahun tiga bulan untuk disiapkan daripada tahun kelulusan pelaksanaan projek oleh UPE.**
- Dua projek yang sepatutnya disiapkan pada tahun 2019 masih dalam fasa pelaksanaan. Satu projek telah ditender semula dengan tarikh penyiapan baharu ditetapkan pada tahun 2022. Satu projek lagi telah melebihi tarikh

penyiapan semasa selepas kelulusan EOT selama sembilan bulan dan dikenakan LAD berjumlah RM177,899. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5.**

JADUAL 5
STATUS LAPAN SAMPEL PROJEK SAMBUNGAN RMKE-10 SETAKAT 31 DISEMBER 2021

BIL.	PROJEK SEKOLAH	TAHUN PROJEK DILULUS OLEH UPE***	TARIKH LANTIKAN KONTRAKTOR	TEMPOH KONTRAK ASAL		EOT		TARIKH SIAP BARU SELEPAS EOT	STATUS PROJEK	TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK (Bulan)		
				TARIKH MULA DAN SIAP	TEMPOH (Bulan)	BIL.	JUMLAH (Hari)			E	F	G
				(a)	(b)	(c)	(d)			(d) - (a)	(d) - (b)	(d) - (c)
Projek Telah Siap												
1.	SK Putra Height 2 (Projek Asal) Projek Penyiap	2011	09.02.2011	23.02.2011 - 22.08.2012	18	1	153	20.03.2015	Ditamatkan: 04.12.2013 (86.7%)** Siap: 13.04.2016	63	44	0
				05.11.2014	25.11.2014 - 26.10.2015	11	2	143	17.03.2016	Siap: 02.03.2016	62	23
2.	SK Puncak Perdana	2011	28.08.2012	18.09.2012 - 18.03.2014	18	3	437	29.05.2015	Siap: 15.03.2018	50	10	0
3.	SJKT Taman Sentosa	2014	29.10.2015	12.11.2015 - 12.05.2017	18	2	304	12.03.2018	Siap: 30.05.2018	53	6	2
4.	SK Taman Merdeka	2014	03.11.2015	17.11.2015 - 17.11.2017	24	2	131	28.03.2018	Belum siap: (98.5%)*	96	27	9
Projek Dalam Pelaksanaan												
5.	SJKT Taman PJS 1	2014	15.02.2018	15.03.2018 - 15.09.2019	18	2	551	19.03.2021	Belum siap: (98.5%)*	84	-	-
6.	SK Saujana Putra (Projek Asal) Projek Penyiap	2015	14.12.2017	11.01.2018 - 11.07.2019	18	1	191	18.01.2020	Ditamatkan: 20.01.2020 (45.0%)** Belum siap: (10.0%)*			
				25.06.2021	01.07.2021 - 29.06.2022	12	-	-				
Projek Belum Mula												
7.	SK Ukay Sungai Sering	2011	Pelantikan kontraktor belum dibuat						132	-	-	-
8.	SK Telok Kapas	2015	Pelantikan kontraktor belum dibuat						84	-	-	-

Sumber: SST, Dokumen Kontrak, EOT, Perakuan Siap Kerja (CPC)

Nota: E - Berbanding Tempoh Kelulusan UPE; F - Berbanding Tempoh Siap Asal; G - Berbanding Tempoh Siap Selepas EOT Terakhir

(*) - Peratus Kemajuan Sebenar Projek Sehingga 31 Disember 2021

(**) - Peratus Kemajuan Sebenar Projek Semasa Ditamatkan

(***) - Tahun Projek Diluluskan oleh UPE adalah Berdasarkan Tarikh 1 Januari

c. Pencapaian Fizikal Projek Sambungan RMKe-9

Projek pembinaan sekolah SK Bandar Enstek telah diluluskan oleh UPE pada tahun 2010 dan kontraktor telah dilantik pada tahun 2011. Berdasarkan dokumen kontrak, tempoh penyiapan projek yang ditetapkan adalah pada tahun 2012. Bagaimanapun, kontraktor asal telah gagal menyiapkan projek dan kontrak ditamatkan pada tahun 2014. Projek telah disiapkan pada tahun 2016 oleh kontraktor penyiap. **Secara keseluruhan projek ini**

mengambil masa selama enam tahun dua bulan untuk disiapkan daripada tahun kelulusan pelaksanaan projek oleh UPE.

5.1.1.4. Semakan Audit mendapati berlaku kelemahan di peringkat perancangan, pra pelaksanaan dan pelaksanaan projek yang menyumbang kepada tempoh masa yang lama untuk penyiapan projek seperti berikut:

a. Perancangan: Tapak Projek

- i. Pertukaran tapak lokasi projek SK Ukay Sungai Sering sebanyak tiga kali menyebabkan projek yang diluluskan oleh UPE pada tahun 2011 di bawah RMKe-10 masih belum dibuat pelantikan kontraktor sehingga kini. Berdasarkan memo KPM bertarikh 10 Jun 2016, pertukaran tapak lokasi ini disebabkan **tanah rizab yang disediakan untuk pembinaan sekolah tidak sesuai kerana terletak di kawasan yang bercerun** dan kos pembinaan akan lebih tinggi berbanding projek sekolah yang lain serta memerlukan penyenggaraan cerun secara berkala. Semakan Audit mendapati KPM telah mendapat lokasi tapak baharu yang rata dan sesuai untuk pembinaan sekolah yang diserahkan oleh pemaju sebagai rizab. Menurut KPM setakat 31 Disember 2021, tanah tersebut masih dalam proses pemberimilikan kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dan geran tanah dijangka hanya boleh dikeluarkan pada bulan Jun 2022 sebelum projek dapat dilaksanakan.
- ii. Proses pemberimilikan tanah tambahan seluas 3.71 ekar bagi jalan masuk ke tapak projek SK Duyong 2 yang diluluskan pelaksanaannya oleh UPE pada tahun 2016 masih belum selesai sehingga 31 Disember 2021. Semakan Audit mendapati KPM telah membuat bayaran perolehan tanah tersebut berjumlah RM2.15 juta pada bulan November 2016. Proses pemberimilikan tanah yang belum selesai ini menyebabkan Kebenaran Merancang untuk projek SK Duyong 2 belum diluluskan dan proses pelantikan kontraktor masih belum dimulakan oleh KPM.

Maklum balas KPM yang diterima pada 11 April dan 3 Jun 2022

Mulai RMKe-12, KPM hanya membawa cadangan projek yang telah mendapat status tanah PTP untuk kelulusan bajet oleh UPE. Namun jika terdapat kes khas kritikal, permohonan sekolah baharu juga dibuat atas tanah warta dengan Notis 5A. Bagi semua projek baharu juga, pelantikan perunding hanya akan dibuat setelah projek diluluskan dan didaftarkan dalam Sistem MyProjek di Unit Penyelarasian Pelaksanaan (ICU).

Permohonan hak milik tapak baharu telah dikemukakan kepada Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Gombak pada 17 Jun 2021. Bagi projek SK Duyong, KPM telah membuat bayaran Notis 5A berjumlah RM1,649 pada 25 Mac 2022 bagi pemberimilikan tapak tambahan tersebut susulan surat arahan bayaran daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian bertarikh 2 Mac 2022. Sehingga 1 Jun 2022, PTD Melaka Tengah sedang dalam proses penyediaan geran untuk dikemukakan kepada KPM.

Maklum balas UPE yang diterima pada 29 April 2022

Berdasarkan keputusan Mesyuarat Pelarasan Pelaksanaan DE 2021/2022, tindakan akan diambil bagi projek pembangunan RMKe-12 yang mempunyai masalah tapak projek. Antara tindakan yang diambil adalah menetapkan tarikh akhir penyelesaian tanah dengan tanah PTP menjadi keutamaan sebagai tanah ganti. Projek yang mempunyai isu tanah akan dibatalkan dan dicadangkan untuk dimohon semula pada *Rolling Plan* (RP) akan datang. Bagi tanah Kerajaan negeri yang dikenakan syarat komitmen bertulis daripada Kerajaan Pusat, kelulusan projek secara prinsip boleh diberikan oleh UPE bagi membolehkan kementerian mendapatkan tanah yang sesuai dalam tempoh dua tahun.

Bagi tindakan jangka panjang, UPE telah memperkenalkan mekanisme penilaian Gerbang Nilai [*Value at Entry* (V@E)] dan proses Pengurusan Nilai Strategik dalam Garis Panduan Penyediaan RMKe-12 (tahun 2021 hingga 2025). Perkara ini turut dinyatakan menerusi surat UPE bertarikh 15 Julai 2021 yang menetapkan kementerian bersama agensi teknikal perlu melaksanakan inisiatif V@E untuk projek pembangunan mulai RP3 tahun 2023 bagi memantapkan perancangan di peringkat pewujudan projek pembangunan sebelum permohonan projek dikemukakan kepada UPE.

b. Pra Pelaksanaan: Pelantikan Perunding, Penyediaan Reka Bentuk dan Pelantikan Kontraktor

- i. Analisis Audit terhadap proses pra pelaksanaan projek meliputi pelantikan perunding, penyediaan reka bentuk dan pelantikan kontraktor mendapati KPM **mengambil masa antara 222 hari (tujuh bulan) hingga 4,017 hari (132 bulan) daripada tarikh kelulusan projek oleh UPE**. Tempoh masa ini meliputi antara 119 hari (empat bulan) hingga 1,987 hari (65 bulan) untuk KPM melantik perunding berbanding tarikh kelulusan projek oleh UPE. Selanjutnya perunding yang dilantik mengambil masa selama 106 hari (tiga bulan) hingga 426 hari (14 bulan) untuk menyediakan reka bentuk, manakala tambahan 240 hari (lapan bulan) hingga 1,294 hari (42 bulan) diambil KPM untuk melantik kontraktor daripada tarikh reka bentuk tersebut dimuktamadkan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
TEMPOH PROSES PRA PELAKSANAAN

BIL.	PROJEK	TARIKH DILULUS UPE	PELANTIKAN PERUNDING		PENYEDIAAN REKA BENTUK		PELANTIKAN KONTRAKTOR		TEMPOH KESELURUHAN PROSES PRA PELAKSANAAN SELEPAS KELULUSAN UPE (Hari) (h) = (f) - (a)
			TARIKH SST	TEMPOH MASA LANTIKAN BERBANDING KELULUSAN UPE (Hari)	TARIKH REKA BENTUK SIAP MENGIKUT CSA	TEMPOH MASA BERBANDING LANTIKAN PERUNDING (Hari)	TARIKH SST	TEMPOH MASA LANTIKAN KONTRAKTOR BERBANDING REKA BENTUK (Hari)	
			(a)	(b)	(c) = (b) - (a)	(d)	(e) = (d) - (b)	(f)	(g) = (f) - (d)
1.	SK Bandar Enstek	2010	29.05.2012	879	28.02.2010	Reka bentuk sebelum SST	21.01.2011	SST sebelum lantikan perunding	385
2.	SK Puncak Perdana	2011	02.01.2013	732	30.09.2012	Reka bentuk sebelum SST	28.08.2012	SST sebelum lantikan perunding dan reka bentuk	605
3.	SK Ukay Sungai Sering	2011	10.06.2016	1,987	TM	-	Belum lantik	-	4,017***
4.	SK Putra Height 2	2011	11.08.2011	222	TM	-	09.02.2011	SST sebelum lantikan perunding	39
5.	SK Taman Merdeka	2014	05.06.2009 ** 07.04.2016*	Lantikan sebelum kelulusan UPE 827	TM	-	03.11.2015	-	671
6.	SJKT Taman Sentosa	2014	30.04.2014	119	TM	-	29.10.2015	-	666
7.	SJKT Taman PJS 1	2014	26.11.2015	694	06.10.2016	315	15.02.2018	497	1,506
8.	SK Telok Kapas	2015	28.04.2016	483	28.02.2016	Reka bentuk sebelum SST	Belum lantik	-	2,556***
9.	SK Saujana Putra	2015	26.11.2015	329	25.01.2017	426	14.12.2017	323	1,078
10.	SK Taman Pelangi	2016	13.12.2016	347	30.06.2017	199	04.10.2018	461	1,007
11.	SMK Jalan Sungai Besi	2016	13.12.2016	347	31.08.2017	261	17.03.2021	1,294	1,902
12.	SMK Nilai Impian	2016	13.12.2016	347	29.03.2017	106	21.02.2018	329	782
13.	SK Nilai Impian	2016	13.12.2016	347	01.05.2017	139	29.01.2018	273	759
14.	SMK Krubong	2016	13.12.2016	347	26.04.2017	134	19.03.2018	327	808
15.	SK Krubong 2	2016	27.03.2017	451	28.02.2018	338	26.10.2018	240	1,029
16.	SK Denai Alam	2016	21.04.2017	476	16.01.2018	270	29.12.2020	1,078	1,824
17.	SK Duyong 2	2016	21.04.2017	476	TM	-	Belum lantik	-	2,191***

Sumber: Rekod Kelulusan Projek oleh UPE, Dokumen Kontrak Perkhidmatan Perunding dan Surat Setuju Terima (SST) Lantikan Kontraktor

Nota: Analisis Audit Tidak Meliputi SK Nusari yang Dilaksanakan Secara CSR dan SMK Bukit Mahkota yang Dilaksanakan oleh JKR Malaysia Secara Konvensional Dalaman (Tiada Pelantikan Perunding)

(*) - Pelantikan Perunding Sivil dan Struktur (C&S)

(**) - Pelantikan Perunding Mekanikal dan Elektrikal (M&E) dan Ukur Bahan (QS)

(***) - Pengiraan Tempoh Sehingga 31 Disember 2021 Kerana Pelantikan Kontraktor Belum Dibuat

CSA - Consultancy Service Agreement (Dokumen Perjanjian Perunding)

TM - Tiada Maklumat Kerana Tidak Dikemukakan oleh KPM

- ii. Tempoh masa yang lama ini antaranya disebabkan cadangan pelaksanaan projek telah dikemukakan oleh KPM walaupun tanah tapak projek masih belum dimuktamadkan dan belum dikosongkan oleh pihak berkaitan. Ini bertentangan dengan GP UPE rujukan UPE(S)12-11/14/5, perenggan 26, yang menetapkan permohonan bagi projek binaan tidak akan

dipertimbangkan sehingga urusan perolehan dan pemilikan tanah selesai. Selain itu, terdapat kelewatan di peringkat KPM dalam memenuhi keperluan PBT.

Maklum balas KPM yang diterima pada 3 Jun 2022

Deliverables Standard telah digunakan mulai bulan Mac 2021 bagi tujuan penambahbaikan dan pemantapan kerja perunding. Setelah dilantik, perunding akan melaksanakan kerja dokumentasi awalan mengikut *Deliverables Standard* dengan tempoh sembilan bulan tertakluk kepada tiada sebarang perubahan di peringkat PBT sebelum pelantikan kontraktor. Pelantikan kontraktor akan dilaksanakan setelah dokumentasi yang disediakan perunding lengkap dengan tempoh kontrak selama 24 bulan tertakluk kepada nilai tender projek.

Mulai RMKe-12, KPM hanya akan mengemukakan cadangan projek yang tanahnya telah mendapat status PTP untuk kelulusan bajet di peringkat UPE.

c. Kelewatan Memulakan Kerja Pembinaan

Lapan projek lewat dimulakan kerja pembinaan selepas kelulusan projek oleh UPE dan pelantikan perunding/kontraktor. Kelewatan ini disebabkan tapak bagi dua projek belum dikosongkan kerana telah digunakan tanpa kelulusan oleh pihak lain. Selain itu, berlaku kelemahan di peringkat KPM dan perunding dalam memenuhi keperluan PBT meliputi kelulusan Pelan Bangunan dan Pelan Infra sebelum pelaksanaan lima projek boleh dimulakan. Manakala, bagi Projek SMK Bukit Mahkota, KPM lewat mengemukakan geran tanah kepada JKR Malaysia yang bertindak sebagai agensi pelaksana bagi projek tersebut. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7
PROJEK LEWAT DIMULAKAN**

BIL.	PROJEK	PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS KPM YANG DITERIMA PADA 11 DAN 29 APRIL 2022 SERTA 3 JUN 2022
Tapak projek belum dikosongkan kerana digunakan tanpa kelulusan oleh pihak lain			
1.	SJKT Taman PJS 1 Lulus UPE: Tahun 2014 Milik Tapak: 15 Mac 2018	Tapak projek telah digunakan bagi penempatan rumur setinggan, lot kedai, tong roro dan rumah ibadah (kuil). Ini menyebabkan kerja di tapak hanya dapat dimulakan pada 1 April 2019, iaitu selepas 13 bulan tarikh milik tapak. KPM telah luluskan EOT selama 467 hari disebabkan isu pencerobohan tapak.	KPM telah mengadakan lawatan pra Perakuan Siap Kerja (CPC) pada 28 Mac 2022. Projek dijangka akan siap sepenuhnya pada bulan Mei 2022 tertakluk kepada laporan hasil lawatan pra CPC yang diadakan dan pembaikan yang telah dibuat oleh pihak kontraktor terhadap teguran pasukan teknikal KPM.
2.	SMK Jalan Sungai Besi Lulus UPE: Tahun 2016 Milik Tapak: 21 September 2021	Tapak projek telah digunakan oleh sekolah berhampiran sebagai tempat meletak kenderaan sejak tahun 2015. Tapak tersebut juga digunakan oleh pihak tokong berhampiran dan pemaju yang membina jejantas tanpa kelulusan. Ini menyebabkan kontraktor hanya dapat dilantik pada 17 Mac 2021 dan kerja hanya dapat dimulakan pada 21 September 2021. Namun, sehingga kini jejantas yang dibina masih kekal dalam tapak projek dan perunding terpaksa membuat perubahan <i>layout</i> bangunan sekolah	KPM telah mengemukakan surat kepada Pengarah Jabatan Penguatkuasaan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 19 Ogos 2021 dan 6 Oktober 2021 untuk mengambil tindakan terhadap pembinaan jejantas haram dalam kawasan projek. Bagaimanapun, sehingga kini belum ada tindakan dan maklum balas diterima daripada pihak DBKL. Sehingga kini, peratus kemajuan kerja di tapak adalah pada tahap 6.6%

BIL.	PROJEK	PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS KPM YANG DITERIMA PADA 11 DAN 29 APRIL 2022 SERTA 3 JUN 2022
		bagi membolehkan projek dimulakan. Projek dijadualkan siap pada 20 September 2023. (Rajah 2 serta Gambar 1 dan 2)	berbanding 12.2%, iaitu kelewatan selama 34 hari.
Kelemahan dalam memenuhi keperluan PBT			
1.	SK Denai Alam Lulus UPE: Tahun 2016 Lulus PB: 22 Jun 2020	Kelewatan KPM dan perunding membuat bayaran deposit Pelan Infrastruktur kepada PBT menyebabkan Pelan Bangunan (PB) hanya diluluskan pada 22 Jun 2020, iaitu selepas 17 bulan Kelulusan Merancang diperoleh pada 31 Disember 2018. Pelantikan kontraktor hanya dibuat oleh KPM pada 29 Disember 2020, iaitu selepas lima tahun projek diluluskan.	Proses pembayaran deposit tidak dilakukan kerana terdapat perubahan reka bentuk disebabkan susun atur bangunan yang perlu dijajar dan diangkat semula untuk kelulusan PBT. Perkara ini berlaku disebabkan terdapat isu serahan jalan masuk hadapan tapak projek kepada PBT yang tidak dikemas kini oleh pejabat tanah.
2.	SK Taman Pelangi Lulus UPE: Tahun 2016 Lulus PB: 5 Julai 2019	Kelulusan Pelan Infra dan PB lewat diperoleh daripada PBT disebabkan bayaran wang cagaran untuk kelulusannya hanya dibuat pada 29 November 2018. Kelulusan PB hanya diperoleh pada 5 Julai 2019 dan kontraktor hanya dapat memulakan kerja di tapak sepenuhnya pada 15 Ogos 2019, iaitu 10 bulan selepas tarikh milik tapak. Setakat tarikh lawatan Audit pada 14 Disember 2021, peratus kemajuan kerja di tapak hanya mencapai 58% berbanding jadual 100%.	Projek telah diluluskan EOT No. 3 selama 267 hari dengan tarikh siap baharu pada 10 Mac 2022. Projek akan disenaraikan sebagai projek sakit dalam mesyuarat <i>Contract Coordination Panel</i> (CCP) untuk pemantauan lebih rapi. Memo pendaftaran CCP telah dihantar ke urus setia CCP pada 26 April 2022.
3.	SK Putra Height 2 Lulus UPE: Tahun 2011 Lulus PB: 9 Februari 2012	Permohonan PB yang dibuat pada 15 Disember 2010 hanya diluluskan oleh PBT pada 9 Februari 2012 disebabkan kelewatan KPM dan perunding membuat bayaran kerja tanah dan wang cagaran penyenggaraan. EOT selama 153 hari telah diluluskan disebabkan kelewatan kelulusan PB tersebut.	Bagi pembayaran deposit/wang cagaran kepada PBT, KPM akan meminta pihak perunding/kontraktor untuk mendahulukan bayaran tersebut bagi tujuan mempercepatkan proses kelulusan.
4.	SK Telok Kapas Lulus UPE: Tahun 2015 Lulus PB: Belum Lulus	Sehingga 31 Disember 2021, iaitu selepas tujuh tahun kelulusan UPE dan pelantikan perunding pada 28 April 2016, KPM masih belum melantik kontraktor. Ini disebabkan projek masih dalam proses mendapatkan kelulusan PB daripada PBT. Mengikut Minit Mesyuarat Penyelaras Projek bertarikh 24 Mei 2021, terdapat keperluan tambahan pembinaan jejantas disebabkan pelebaran jalan di kawasan tapak projek oleh PBT. KPM dalam mesyuarat tersebut telah menegaskan supaya isu jejantas perlu diselesaikan sebelum pelantikan kontraktor.	Pihak perunding perlu mendapatkan kelulusan jalan dan parit (R&D), lampu jalan dan Laporan Audit Keselamatan Jalan Peringkat 3 (RSA3) seperti diminta oleh pihak JKR. Pihak perunding dan KPM sedang berusaha untuk mendapatkan kelulusan PB, namun kelulusan ini melibatkan banyak pihak iaitu PBT, JKR, Kementerian Kerja Raya dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).
5.	SK Krubong 2 Lulus UPE: Tahun 2016 Lulus PB: 4 Mac 2019	Kelulusan PB dan Pelan Bangunan Sementara hanya diperoleh pada 4 Mac 2019 dan 17 Mei 2019 walaupun tarikh milik tapak ditetapkan pada 9 November 2018 (selepas empat dan enam bulan). KPM telah meluluskan EOT selama 217 hari disebabkan kelewatan kelulusan PB dan Pelan Bangunan Sementara tersebut. Sehingga bulan Februari 2022, prestasi kemajuan kerja hanya mencapai 25.0% berbanding jadual 100%.	Bagi mengelakkan kelewatan pelaksanaan berulang untuk projek yang lain, <i>follow up</i> dan <i>follow through</i> akan dilaksanakan. Projek akan disenaraikan sebagai projek sakit dalam mesyuarat CCP untuk pemantauan lebih rapi. Memo pendaftaran CCP telah dihantar ke urus setia CCP pada 26 April 2022.
Kelewatan Mendapat Geran Tanah Tapak Projek			
1.	SMK Bukit Mahkota Lulus UPE: Tahun 2018 Geran Tanah: 3 Mac 2020	JKR Malaysia telah dilantik sebagai agensi pelaksana projek pada 28 Disember 2018, namun pelantikan kontraktor hanya dibuat pada 12 Ogos 2021, iaitu selepas 2 tahun 7 bulan. Pihak JKR Malaysia memaklumkan kelewatan memulakan projek disebabkan KPM lewat mengemukakan dokumen hak milik tanah tapak projek kepada JKR Malaysia. Semakan Audit selanjutnya mendapati geran tanah tapak projek hanya diperoleh KPM pada 3 Mac 2020 daripada PTD Hulu Langat walaupun bayaran Notis 5A telah dibuat oleh KPM pada tahun 2012. Projek telah dimulakan pada 23 Ogos 2021 dan dijadualkan siap pada 3 April 2024.	Bagi mengelakkan isu pengeluaran geran tanah yang mengambil masa lama, KPM telah meningkatkan proses pemantauan permohonan hak milik tanah sekolah melalui Mesyuarat Penyelaras Pemutihan Tapak Pendidikan bersama Kerajaan Negeri yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha (KSU), KPM. Di peringkat KPM pula, Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan yang turut dipengerusikan oleh KSU KPM akan memantau proses pemutihan hak milik tapak sekolah di seluruh negara.


Sumber: Fail Projek di KPM dan JKR

Nota: PB – Pelan Pembangunan

RAJAH 2

PELAN TANAH SMK JALAN SUNGAI BESI

PELAN TANAH YANG MENUNJUKKAN TAPAK PROJEK DIGUNAKAN OLEH PIHAK BERKAITAN



Sumber: Laporan Mesyuarat Penyelarasan Projek Bertarikh 25 Mac 2021

GAMBAR 1



SMK Jalan Sungai Besi, Kuala Lumpur
- Tokong Berdekatan Dengan Projek
(17.01.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



SMK Jalan Sungai Besi, Kuala Lumpur
- Struktur Jejantas Tanpa Kelulusan
(17.01.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

d. Arahan Perubahan Kerja yang Menyebabkan Lanjutan Tempoh Projek

Sebanyak lima Arahan Perubahan Kerja (APK) bagi projek SK Puncak Perdana, SMK Nilai Impian, SMK Krubong dan SK Putra Height 2 diluluskan oleh KPM dengan nilai antara RM5,515 hingga RM1.79 juta menyebabkan kelulusan lanjutan masa perlu diberi antara 28 hingga 205 hari. APK ini disebabkan kelemahan dalam reka bentuk dan mengenal pasti keperluan di peringkat PBT oleh perunding. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
KELULUSAN APK YANG MENYEBABKAN LANJUTAN MASA PROJEK

BIL.	PROJEK	APK		EOT		
		SEBAB	AMAUN (RM)	NO. EOT	SEBAB	BIL. HARI
1.	SK Puncak Perdana	Pengukuran semula kuantiti sementara bagi kerja-kerja bil no. 9 - <i>Site preparation & earthworks</i> (tambahan skop kerja tanah berdasarkan kelulusan MBSA)	1,786,277	1	Tambahan skop kerja tanah berdasarkan kelulusan Pelan Kerja Tanah oleh Majlis Bandaraya Shah Alam	205
2.	SMK Nilai Impian	Tambahan tempat letak kenderaan di atas rizab jalan susur 50' dan jalan utama berhadapan kawasan pembangunan	56,797	1	Pertambahan tempat letak kenderaan atas kehendak Majlis Perbandaran Nilai	30
		Membuat kerja-kerja ratifikasi pada peralihan tiang dan perubahan pada rasuk di aras 2 yang menggunakan kaedah sistem <i>bubble deck slab</i>	5,515		Kaedah sistem <i>bubble deck slab</i>	28
3.	SMK Krubong	Kerja-kerja perolehan <i>hard material</i>	559,200	1	Kerja-kerja memunggah dan mengeluarkan sejumlah 13,500m ³ / <i>hard material</i>	96
4.	SK Putra Height 2 (Projek penyiap)	Pembinaan semula longkang	204,702	1	Perubahan kontrak kerja bagi aliran longkang (<i>surface drain</i>)	90
JUMLAH		2,612,491				

Sumber: Surat/Arahan Kelulusan EOT dan APK

Pendapat Audit

Kelemahan dalam proses perancangan, pra pelaksanaan dan pelaksanaan projek di peringkat KPM dan kontraktor menyebabkan projek lewat disiapkan dan seterusnya boleh menjelaskan pencapaian objektif untuk menampung lebih murid dan menjadikan sekolah ke arah satu sesi.

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

5.1.2.1. Sekolah Baharu yang Telah Memulakan Sesi Persekolahan

- Pekeling Perbendaharaan, PB 1.3, Perenggan 5.7, menetapkan kementerian hendaklah memastikan projek fizikal binaan berstatus siap dapat beroperasi dengan optimum selewat-lewatnya dalam tempoh enam bulan selepas projek siap. Di peringkat ini juga, kementerian boleh melaksanakan pengesanan awalan secara penilaian formatif terhadap keberhasilan projek berdasarkan sasaran yang ditetapkan di peringkat perancangan.
- Semakan Audit terhadap 19 sampel projek yang diaudit mendapati lima projek telah siap antara tahun 2016 dan 2018 dan telah memulakan sesi persekolahan sebaik sahaja sekolah siap dibina. Manakala SK Nusari yang

dibina oleh pemaju secara CSR telah diserahkan kepada KPM pada tahun 2018, namun hanya memulakan sesi persekolahan pada tahun 2021. Ini disebabkan pemaju hanya membina struktur bangunan, manakala perolehan perabot dibuat secara berasingan oleh KPM selepas projek diserahkan. Selain itu, keperluan penyediaan perjawatan guru dan pendaftaran sekolah bagi tujuan operasi dan penyenggaraan serta faktor Perintah Kawalan Pergerakan juga menyumbang kepada kelewatan SK Nusari memulakan sesi persekolahan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
SEKOLAH BAHARU YANG TELAH MEMULAKAN SESI PERSEKOLAHAN

BIL.	SEKOLAH	TARIKH SIAP	TAHUN MEMULAKAN SESI PERSEKOLAHAN
1.	SK Bandar Enstek	29.02.2016	2017
2.	SK Puncak Perdana	02.03.2016	2016
3.	SK Putra Height 2	13.04.2016	2016
4.	SJKT Taman Sentosa	15.03.2018	2018
5.	SK Taman Merdeka	30.05.2018	2019
6.	SK Nusari	2018*	2021

Sumber: Sijil Siap Kerja dan Lawatan Audit

Nota: (*) - Serah Kepada KPM

5.1.2.2. Menampung Lebihan Murid dan ke Arah Sekolah Satu Sesi

- Mengikut objektif projek, pembinaan sekolah adalah bertujuan untuk menampung lebihan murid dan menjadikan sekolah ke arah satu sesi selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025. Pelan ini menyasarkan semua sekolah menjadi satu sesi menjelang tahun 2025 (sekiranya boleh dilaksanakan). Selain itu, bilangan maksimum murid dalam bilik darjah ditetapkan seramai 35 orang.
- Semakan Audit terhadap keberhasilan lima projek yang telah siap dan memulakan sesi persekolahan (tidak termasuk SK Nusari yang masih belum boleh diukur keberhasilannya kerana hanya memulakan sesi persekolahan pada tahun 2021) mendapat:
 - SK Putra Height 2** - bilangan murid melebihi 35 orang dalam bilik darjah di semua tiga sekolah berhampiran walaupun selepas SK Putra Height 2 memulakan sesi persekolahan pada tahun 2016 dan satu sekolah berhampiran kekal dua sesi. Bagaimanapun, pada tahun 2018, SK Putra Height 2 juga telah bertukar menjadi dua sesi.
 - SK Bandar Enstek** - semua tiga sekolah berhampiran berjaya mencatatkan bilangan murid kurang 35 orang dalam bilik darjah selepas SK Bandar Enstek memulakan sesi persekolahan pada tahun 2017. Namun,

satu daripada tiga sekolah tersebut kekal menjadi dua sesi. Bagaimanapun, bilangan murid di SK Bandar Enstek telah melebihi 35 orang dalam bilik darjah dan bertukar menjadi dua sesi pada tahun 2020.

- iii. **SK Taman Merdeka** - bilangan murid di kesemua empat sekolah berhampiran tidak melebihi 35 orang dalam bilik darjah dan masih kekal satu sesi. Bagaimanapun, bilangan murid di SK Taman Merdeka melebihi 35 orang dalam bilik darjah sejak mula beroperasi.
- iv. **SJKT Taman Sentosa** - bilangan murid di satu daripada dua sekolah berhampiran melebihi 35 orang dalam bilik darjah walaupun selepas SJKT Taman Sentosa memulakan sesi persekolahan pada tahun 2018. Pembinaan SJKT Taman Sentosa berjaya menjadikan satu sekolah berhampiran, iaitu SJKT Ladang Batu Ampat sebagai satu sesi.
- v. **SK Puncak Perdana** - bilangan murid di dua sekolah berhampiran melebihi 35 orang dalam bilik darjah dan sekolah kekal dua sesi walaupun selepas SK Puncak Perdana memulakan sesi persekolahan pada tahun 2016. SK Puncak Perdana juga telah menjadi dua sesi pada tahun 2017, namun bilangan murid di dalam bilik darjah tidak melebihi 35 orang.
- vi. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
KEBERHASILAN LIMA SEKOLAH BAHARU YANG SIAP DIBINA DAN MEMULAKAN SESI PERSEKOLAHAN DAN IMPAKNYA KEPADA SEKOLAH BERHAMPIRAN

BIL.	SEKOLAH BAHARU			SEKOLAH BERHAMPIRAN		
	NAMA	TAHUN BEROPERASI	KEDUDUKAN TERKINI	BIL.	KEPADATAN MURID	SESI PERSEKOLAHAN
1.	SK Putra Height 2	2016	Bertukar menjadi 2 sesi pada tahun 2018	3	3 sekolah melebihi 35 murid/BD	<ul style="list-style-type: none"> 2 sekolah kekal 1 sesi 1 sekolah kekal 2 sesi
2.	SK Bandar Enstek	2017	<ul style="list-style-type: none"> Bertukar menjadi 2 sesi pada tahun 2020 Bil. murid melebihi 35/BD 	3	Kesemua 3 sekolah bil. murid kurang 35/BD	<ul style="list-style-type: none"> 2 sekolah kekal 1 sesi 1 sekolah kekal 2 sesi
3.	SK Taman Merdeka	2019	Bil. murid melebihi 35/BD	4	Kesemua sekolah bil. murid kurang 35/BD	Semua sekolah kekal 1 sesi
4.	SJKT Taman Sentosa	2018	Bil. murid kurang 35/BD	2	<ul style="list-style-type: none"> 1 sekolah bil. murid kurang 35/BD 1 sekolah bil. murid melebihi 35/BD 	<ul style="list-style-type: none"> 1 sekolah bertukar menjadi 1 sesi 1 sekolah kekal 2 sesi
5.	SK Puncak Perdana	2016	<ul style="list-style-type: none"> Bertukar menjadi 2 sesi pada tahun 2017 Bil. murid kurang 35/BD 	2	2 sekolah bil. murid melebihi 35/BD	Semua sekolah kekal 2 sesi

Sumber: Sijil Siap Kerja, Data Enrolmen Murid dan Lawatan Audit

c. Analisis Audit mendapati antara punca ketidakcapaian keberhasilan projek pembinaan sekolah baharu adalah seperti berikut:

i. Perancangan Pembinaan Sekolah Baharu Dibuat Selepas Berlaku Kepadatan

KPM hanya membuat perancangan pembinaan sekolah baharu setelah bilangan murid di sekolah berhampiran melebihi 35 orang dalam bilik darjah. Analisis Audit terhadap kertas ringkasan projek pembinaan sekolah baharu mendapati purata murid dalam bilik darjah di semua tiga sekolah berhampiran projek SK Putra Height 2 dan satu sekolah berhampiran SK Puncak Perdana telah melebihi 35 orang semasa cadangan pembinaan sekolah baharu dikemukakan oleh KPM kepada UPE. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
ANALISIS CADANGAN DAN KELULUSAN PELAKSANAAN
PROJEK PEMBINAAN SEKOLAH BAHRU

BIL.	PROJEK	CADANGAN PROJEK PEMBINAAN SEKOLAH BAHRU						TAHUN PROJEK SEKOLAH BAHRU DILULUS UPE	
		TAHUN CADANGAN	MAKLUMAT SEKOLAH BERHAMPIRAN						
			NAMA SEKOLAH	BIL. MURID	BIL. SESI	BIL. BD	PURATA BIL. MURID/ BD		
1.	SK Puncak Perdana	2009	SK Taman Bukit Subang	1,558	2	46	34	2011	
			SK TTDI Jaya	1,407	2	35	40		
2.	SK Putra Height 2	2009	SK Taman Alam Megah	1,579	2	41	39	2011	
			SK Alam Megah 2	871	1	24	36		
			SK Alam Megah 3	1,234	1	30	41		

Sumber: Analisis Audit Terhadap Kertas Ringkasan Projek

Nota: BD - Bilik Darjah

ii. Perancangan Pembinaan Sekolah Tidak Berdasarkan Rancangan Tempatan

Analisis Audit telah dijalankan terhadap Rancangan Tempatan (RT) di peringkat PBT bagi WPKL, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka. Analisis Audit mendapati tambahan bilangan sekolah yang diunjurkan oleh PBT bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 adalah antara lima hingga 40 SK dan tiga hingga 21 SMK. Bagaimanapun, analisis Audit terhadap data SPP II dan MyProjek bertarikh 5 Januari 2022 mendapati **KPM hanya membina antara satu hingga empat SK dan satu hingga tiga SMK dalam tempoh tersebut**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
ANALISIS BILANGAN SEKOLAH YANG DIUNJURKAN OLEH PBT DALAM RANCANGAN TEMPATAN BERBANDING PEMBINAAN SEBENAR OLEH KPM

BIL.	NEGERI/DAERAH	SEKOLAH RENDAH (SK)			SEKOLAH MENENGAH (SMK)		
		BIL. SEKOLAH IKUT UNJURAN DALAM RT	BIL SEKOLAH BAHARU DIBINA KPM DALAM TEMPOH RMKe-11 (2016 – 2020)	BEZA [Lebih/ (Kurang)]	BIL. SEKOLAH IKUT UNJURAN DALAM RT	BIL SEKOLAH BAHARU DIBINA KPM DALAM TEMPOH RMKe-11 (2016 – 2020)	BEZA [Lebih/ (Kurang)]
		(a)	(b)	(a) – (b)	(c)	(d)	(c) – (d)
1.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	29	0	(29)	17	3	(14)
2.	Selangor						
2.1.	Klang	16	2	(14)	8	0	(8)
2.2.	Petaling	37	4	(33)	18	0	(18)
2.3.	Gombak	13	1	(12)	7	0	(7)
2.4.	Kuala Langat	5	1	(4)	3	1	(2)
2.5.	Hulu Langat	23	3	0	12	3	1
3.	Negeri Sembilan						
3.1.	Seremban	40	2	(38)	18	2	(16)
4.	Melaka	0*	3	3	21	3	(18)

Sumber: RT Negeri Selangor, Negeri Sembilan, Negeri Melaka dan WPKL Tahun 2016 - 2020

Nota: (*) - Tiada Pertambahan Sekolah

iii. Pengecilan Skop Projek

- Tiga projek pembinaan sekolah baharu lewat dimulakan dan membawa kepada pengecilan skop bilangan bilik darjah kerana kos pembinaan yang meningkat berbanding semasa kelulusan UPE. Analisis Audit terhadap kertas ringkasan projek pembinaan sekolah baharu mendapati skop bilangan bilik darjah di SK Puncak Perdana dan SK Putra Height 2 masing-masing kurang 12 dan enam bilik darjah berbanding kelulusan asal oleh UPE. Pengecilan skop ini juga berlaku bagi projek SK Ukay Sungai Sering yang berkurang sebanyak 18 bilik darjah. Namun, **pengurangan tersebut dibuat tanpa kelulusan UPE**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
ANALISIS SKOP BILANGAN BILIK DARJAH DALAM CADANGAN DAN KELULUSAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBINAAN SEKOLAH BAHARU

BIL.	PROJEK	TAHUN CADANGAN	TAHUN DILULUS UPE	BIL. BD		
				CADANG	LULUS	BINA
1.	SK Puncak Perdana	2009	2011	24	24	12
2.	SK Putra Height 2	2009	2011	24	24	18
3.	SK Ukay Sungai Sering	2011	2011	30	30	12*

Sumber: Analisis Audit Terhadap Kertas Ringkasan Projek

Nota: BD - Bilik Darjah;

(*) - Berdasarkan Brif Projek KPM

- Semakan Audit mendapati, tiada bukti menunjukkan KPM ada membuat kajian semula terhadap keperluan semasa meliputi skop bilangan bilik darjah bagi projek yang lewat dimulakan kerja pembinaan.

- d. Pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati, bagi mengatasi masalah lebihan murid, sebanyak **17 sekolah berhampiran terpaksa menukar fungsi antara satu hingga 12 bilik khas menjadi bilik darjah**.

Selain itu, 12 sekolah telah dinaik taraf dengan bangunan tambahan melibatkan antara satu hingga 39 bilik darjah. Kerja naik taraf ini dilaksanakan bukan sahaja oleh KPM, tetapi juga dibiayai oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru. **Gambar 3** hingga **Gambar 5** menunjukkan kepadatan di sekolah berhampiran.

GAMBAR 3



SK Parit Melana, Melaka
- Ruang Dalam Perpustakaan yang Sepatuanya Senyap untuk Tujuan Pembelajaran Kendiri Sebahagiannya Dijadikan Bilik Darjah
(19.01.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



SMK Bandar Seri Putra
- Makmal Komputer yang Ditukar Fungsi Menjadi Bilik Darjah
(12.01.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 5



SK Krubong, Melaka
- Makmal yang Ditukar Fungsi Menjadi Bilik Darjah Tidak Kondusif Dilaksanakan PdP dengan Sebahagian Murid Menggunakan Meja Makmal, Manakala Sebahagian Lain Menggunakan Meja Biasa
(19.01.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas KPM yang diterima pada 11 dan 29 April 2022

Bagi projek SK Puncak Perdana, pertambahan mendadak penduduk adalah akibat daripada pembukaan Universiti Teknologi Mara Kampus Puncak Perdana dan pembukaan taman perumahan baharu. Perumahan tersebut yang berskala kecil tidak menyediakan tanah rizab untuk pembinaan sekolah kepada PBT. SK Puncak Perdana dibina dengan skop 12 bilik darjah antara sekolah bandar baharu yang mempunyai skop terkecil di Selangor dan menjadi punca purata murid melebihi 35 orang dalam bilik darjah. Perkara ini disebabkan oleh faktor peruntukan pembinaan yang dikurangkan atas arahan penjimatan Kerajaan Persekutuan semasa projek ini dimulakan pada sekitar tahun 2014.

Berdasarkan data KPM, jumlah murid sekolah rendah daripada perumahan Ukay Perdana adalah melebihi 900 orang yang memerlukan pembinaan sekolah 30 bilik darjah. Permohonan cadangan mengurangkan skop kepada 12 bilik darjah pada ketika itu adalah bagi mempercepatkan proses kelulusan *Notice of Change* (NOC) memandangkan ianya tidak melibatkan peningkatan siling projek. Bagaimanapun, Mesyuarat Tindakan Pemantauan Kementerian Bilangan 1 Tahun 2022 bertarikh 10 Februari 2022 bersetuju KPM memohon kepada UPE untuk mempertimbangkan kenaikan kos kepada RM33.2 juta berdasarkan anggaran kiraan 30 bilik darjah agar dapat mencapai tujuan mengurangkan kepadatan sekolah di sekitar Ukay Perdana.

Bagi unjuran pembinaan sekolah baharu, KPM merujuk kepada Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat (Pindaan 2013) yang ditetapkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, namun terdapat kekangan daripada aspek ketersediaan tapak cadangan serta keperluan mendesak di kawasan lain seluruh negara. Selain itu, KPM perlu memberi perhatian kepada 12 lagi spektrum keperluan pendidikan seperti sekolah daif, keperluan kurikulum, murid berkeperluan khas, Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Maklum balas UPE yang diterima pada 11 dan 29 April serta 14 Julai 2022

KPM telah mengemukakan permohonan NOC perubahan skop untuk mengurangkan bilik darjah bagi SK Ukay Sungai Sering daripada 30 kepada 12 bilik darjah menerusi surat bertarikh 15 Februari 2022. Bagaimanapun, permohonan ini tidak dapat dipertimbangkan kerana cadangan KPM untuk melaksanakan projek ini secara berfasa tidak dikemukakan dengan dokumen lengkap.

Pada 14 April 2022, KPM telah mengemukakan sekali lagi permohonan NOC untuk peningkatan kos projek daripada RM23.70 juta kepada RM33.75 juta dengan mengekalkan bilangan 30 bilik darjah. Namun, permohonan ini tidak dapat dipertimbangkan kerana tidak diangkat untuk semakan Jawatankuasa Standard dan Kos (JSK). Pekeliling UPE, JPM Bilangan 1 Tahun menetapkan projek bangunan bernilai RM5 juta hingga RM50 juta diwajibkan mendapat kelulusan JSK kecuali bagi projek yang dilaksanakan oleh pihak JKR.

e. Analisis Audit terhadap data Sistem Aplikasi Pangkalan Data Murid bagi tempoh tahun 2016 hingga 2021 mendapati secara keseluruhannya, bilangan sekolah dengan murid melebihi 35 orang dalam bilik darjah menunjukkan trend penurunan pada tahun 2016 hingga 2018, iaitu daripada 467 kepada 423 sekolah. Bagaimanapun, bermula tahun 2019 hingga 2021 berlaku peningkatan antara 0.1% hingga 0.3%, iaitu daripada 433 kepada 477 sekolah. Peningkatan ini menjadikan bilangan sekolah dengan murid melebihi 35 orang dalam bilik darjah pada tahun 2021 sebanyak 477 sekolah, iaitu lebih tinggi berbanding pada tahun 2016 sebanyak 467 sekolah. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 14** dan **Carta 2**.

JADUAL 14
BILANGAN SEKOLAH DENGAN PURATA MURID
MELEBIHI 35 ORANG DALAM BILIK DARJAH

NEGERI	BIL. MURID MELEBIHI 35 ORANG DALAM BILIK DARJAH																	
	TAHUN 2016			TAHUN 2017			TAHUN 2018			TAHUN 2019			TAHUN 2020			TAHUN 2021		
	a	b	%	a	b	%	a	b	%	a	b	%	a	b	%	a	b	%
Selangor	935	155	16.6	936	153	16.3	939	166	17.7	939	177	18.8	940	193	20.5	941	213	22.6
N. Sembilan	475	13	2.7	475	13	2.7	475	13	2.7	475	17	3.6	477	14	2.9	477	17	3.6
Melaka	314	10	3.2	314	7	2.2	314	6	1.9	315	6	1.9	315	6	1.9	315	7	2.2
Johor	1,180	33	2.8	1,183	19	1.6	1,187	19	1.6	1,189	19	1.6	1,189	19	1.6	1,190	16	1.3
Kedah	749	24	3.2	747	21	2.8	748	14	1.9	749	11	1.5	750	7	0.9	751	7	0.9
Kelantan	592	3	0.5	593	2	0.3	595	2	0.3	595	3	0.5	595	2	0.3	596	4	0.7
Pahang	734	9	1.2	737	9	1.2	738	8	1.1	740	8	1.1	741	5	0.7	741	9	1.2
Pulau Pinang	398	8	2.0	398	8	2.0	399	7	1.8	399	4	1.0	399	4	1.0	400	5	1.3
Perak	1,099	11	1.0	1100	7	1.1	1,102	4	0.4	1,102	3	0.3	1,102	4	0.4	1,102	5	0.5
Perlis	104	2	1.9	104	1	7.7	104	1	1.0	104	2	1.9	104	3	2.9	104	3	2.9
Sabah	1,291	110	8.5	1,293	117	9.0	1,296	113	8.7	1,296	108	8.3	1,297	120	9.3	1,296	121	9.3
Sarawak	1,453	60	4.1	1,454	51	3.5	1,457	45	3.1	1,458	46	3.2	1,458	45	3.1	1,458	37	2.5
Terengganu	500	1	0.2	502	1	0.2	503	0	0.0	504	0	0.0	504	0	0.0	505	0	0.0
Kuala Lumpur	303	22	7.3	304	21	6.9	298	20	6.7	295	22	7.5	295	27	9.2	294	24	8.2
Labuan	27	1	3.7	27	1	3.7	27	1	3.7	27	1	3.7	27	3	11.1	27	3	11.1
Putrajaya	25	5	20.0	25	3	12.0	25	4	16.0	25	6	24.0	27	5	18.5	27	6	22.2
JUMLAH	10,179	467	4.6	10,192	434	4.3	10,207	423	4.1	10,212	433	4.2	10,220	457	4.5	10,224	477	4.7


Sumber: Data Aplikasi Pangkalan Data Murid Bertarikh 31 Disember 2021

Nota: a - Bil. Keseluruhan Sekolah;

b - Bil. Sekolah Dengan Purata Murid Melebihi 35 Orang;

(%) - Peratus Bil. Sekolah Dengan Purata Murid Melebihi 35 Orang Berbanding Keseluruhan Sekolah

CARTA 2
TREND SEKOLAH DENGAN PURATA BILANGAN MURID
MELEBIHI 35 ORANG DALAM BILIK DARJAH



Sumber: Analisis Audit Terhadap Data Aplikasi Pangkalan Data Murid Bertarikh 31 Disember 2021


- f. Analisis Audit selanjutnya terhadap data *Education Management Information System* (EMIS), KPM bagi tempoh tahun 2016 hingga 2021 pula mendapat sebanyak 9,013 (88.2%) daripada 10,224 sekolah di bawah KPM adalah sekolah satu sesi, manakala 1,211 sekolah adalah dua sesi. Analisis Audit selanjutnya mendapat bagi tempoh tersebut, hanya berlaku pertambahan 246 sekolah yang menjadi satu sesi. Trend bilangan sekolah yang menjadi satu sesi adalah antara 25 hingga 73 sekolah setahun, iaitu purata 41 sekolah (246 sekolah bagi 6 tahun). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 15** dan **Carta 3**.

JADUAL 15
BILANGAN KESELURUHAN SEKOLAH DAN SEKOLAH SATU SESI DI MALAYSIA

TAHUN	BILANGAN KESELURUHAN SEKOLAH	SEKOLAH SATU SESI		PENINGKATAN BIL. SEKOLAH SATU SESI	
		BIL.	%	BIL.	%
2015	10,156	8,767	86.3	-	-
2016	10,179	8,840	86.8	73	0.83
2017	10,192	8,894	87.3	54	0.61
2018	10,207	8,925	87.4	31	0.35
2019	10,212	8,952	87.7	27	0.30
2020	10,220	8,977	87.8	25	0.28
2021	10,224	9,013	88.2	36	0.40

Sumber: Data EMIS Bertarikh 31 Disember 2021

CARTA 3
BILANGAN KESELURUHAN SEKOLAH DAN SEKOLAH SATU SESI DI MALAYSIA



Sumber: Data EMIS Bertarikh 31 Disember 2021

- g. Berdasarkan trend bilangan sekolah menjadi satu sesi daripada tahun 2016 hingga 2021, iaitu purata 41 sekolah setahun seperti dalam **Jadual 15** di atas, baki **sekolah yang masih dua sesi pada tahun 2021 sebanyak 1,211 akan mengambil masa selama 30 tahun untuk menjadi satu sesi, iaitu pada tahun 2051 berbanding sasaran KPM pada tahun 2025.**

Maklum balas KPM yang diterima pada 11 dan 29 April 2022

KPM membuat perancangan sekolah baharu berdasarkan jumlah murid dalam bilik darjah melebihi 35 orang dan beroperasi secara dua sesi bagi fokus utama dalam keutamaan cadangan permohonan bajet pembinaan sekolah baharu. Bagi tempoh RMKe-12, KPM mengemukakan permohonan pembinaan sekolah baharu bagi tujuan menyuraikan murid di sekolah yang padat. Namun, tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan agensi pusat serta kedudukan semasa kewangan Kerajaan. Sehingga kini, sebanyak 19 sekolah baharu telah diluluskan pembinaannya di bawah RMKe-12. Sehingga 28 Februari 2022, sebanyak 1,210 sekolah beroperasi secara dua sesi menunjukkan pengurangan satu sekolah antara tahun 2021 dan 2022. KPM komited dalam memastikan akses pendidikan kepada semua murid. KPM sentiasa berusaha merancang pembangunan ke arah melaksanakan sekolah satu sesi antaranya dengan pembinaan sekolah baharu dan penambahan bilik darjah di sekolah yang berkepadatan tinggi. Ini dapat menyuraikan murid di sekolah dua sesi untuk membolehkan sekolah terlibat beroperasi satu sesi sekiranya sekolah baharu siap dibina mengikut perancangan.

5.1.2.3. Kajian Tahap Kepuasan Pengguna

a. Kajian Kepuasan Pengguna di Sekolah Baharu


Pihak Audit telah mengedarkan soal selidik kepada 112 guru di sekolah baharu yang telah memulakan sesi persekolahan antara tahun 2016 hingga 2018. Analisis Audit terhadap maklum balas yang diterima mendapati seramai 84.8% guru berpendapat bilangan murid dalam bilik darjah adalah padat. Keadaan ini disebabkan guru perlu melaksanakan PdP dalam bilik darjah dengan bilangan murid yang ramai melebihi 35 orang seperti dalam **Jadual 16**. Bilangan murid yang ramai dan padat dalam bilik darjah ini telah menyebabkan 51.8% guru berpendapat keadaan dalam bilik darjah adalah tidak selesa untuk pelaksanaan PdP. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 4**.

JADUAL 16
PURATA BILANGAN MURID DALAM BILIK DARJAH DI EMPAT SEKOLAH BAHARU YANG TELAH MEMULAKAN SESI PERSEKOLAHAN

BIL.	SEKOLAH	TAHUN BEROPERASI	PURATA BILANGAN MURID DALAM BILIK DARJAH				
			< 20	21 - 30	31 - 35	36 - 40	41 - 50
1.	SK Bandar Enstek	2018	-	3	-	9	25
2.	SK Putra Height 2	2016	1	-	4	27	2
3.	SJKT Taman Sentosa	2016	5	1	7	17	1
4.	SK Puncak Perdana	2017	-	-	-	9	1
JUMLAH			6	4	11	62	29

Sumber: Analisis Audit Terhadap Maklum Balas 112 Guru

CARTA 4
MAKLUM BALAS MENGENAI KEPADATAN MURID DAN KESELESAAN PELAKSANAAN PdP DI EMPAT SEKOLAH BAHARU



Sumber: Analisis Audit Terhadap Maklum Balas 112 Guru


b. Kajian Kepuasan Pengguna di Sekolah Berhampiran

Pihak Audit juga telah mengedarkan borang soal selidik kepada guru di 37 sekolah berhampiran dengan 19 sampel projek pembinaan sekolah baharu. Perkara yang dinilai adalah tahap kepadatan bilik darjah, purata bilangan murid dalam bilik darjah serta penggunaan ruang khas sebagai bilik darjah dan keselesaan PdP. Seramai 1,811 guru telah memberi maklum balas meliputi 709 (39.2%) guru di negeri Selangor, 440 (24.3%) guru di Negeri Sembilan,

419 (23.1%) guru di negeri Melaka dan 243 (13.4%) guru di WPKL. Analisis Audit terhadap maklum balas 1,811 guru mendapat perkara berikut:


- Secara keseluruhannya, seramai 1,489 (82.2%) guru tidak berpuas hati dengan tahap kepadatan bilik darjah di sekolah mereka, meliputi 624 (41.9%) guru di Selangor, 350 (23.5%) guru di Negeri Sembilan, 352 (23.7%) guru di Melaka dan 163 (10.9%) guru di WPKL. Baki 322 (17.8%) guru pula berpuas hati dengan bilangan murid dalam bilik darjah seperti ditunjukkan dalam **Carta 5**. Ekoran keadaan kelas yang padat ini, seramai 1,075 guru (59.4%) berpendapat bilik darjah adalah tidak selesa untuk pelaksanaan PdP, manakala 736 (40.6%) guru pula merasakan bilik darjah adalah selesa. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 6**.

CARTA 5
MAKLUM BALAS MENGENAI KEPADATAN MURID DI SEKOLAH BERHAMPIRAN



Sumber: Analisis Soal Selidik, Jabatan Audit Negara


CARTA 6
MAKLUM BALAS MENGENAI TAHAP KESELESAAN PELAKSANAAN PdP DI SEKOLAH BERHAMPIRAN



Sumber: Analisis Soal Selidik, Jabatan Audit Negara

- ii. Seramai 768 (42.4%) guru melaksanakan PdP dengan purata bilangan murid dalam bilik darjah antara 36 hingga 40 murid dan 305 (16.8%) guru antara 40 hingga 50 murid. 410 (22.6%) guru pula melaksanakan PdP dengan bilangan murid antara 31 hingga 35 murid, manakala 278 guru antara 21 hingga 30 murid dan 50 guru kurang daripada 20 murid. Sehubungan itu, dapat dirumuskan bahawa **majoriti guru (59.2%) melaksanakan PdP dengan purata bilangan murid dalam bilik darjah melebihi 35 orang**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 7**.

CARTA 7
PURATA BILANGAN MURID DI DALAM SATU BILIK DARJAH MENGIKUT NEGERI



Sumber: Analisis Soal Selidik oleh Jabatan Audit Negara

- iii. Seramai 971 (53.6%) guru memaklumkan ruang khas seperti bilik pendidikan seni, bilik muzik, bilik kesihatan, bilik pengawas, bilik kaunseling, dewan serba guna dan lain-lain telah diubahsuai menjadi bilik darjah bagi menampung bilangan murid. Seramai 537 (55.3%) daripada 971 guru tersebut berpendapat ruang khas yang dijadikan bilik darjah adalah selesa, manakala 434 guru (44.7%) berpendapat ruang tersebut tidak selesa.

Maklum balas KPM yang diterima pada 11 dan 29 April 2022

Berdasarkan makluman UPE dalam perancangan projek sekolah baharu RMKe-10, reka bentuk projek mula dikawal agar penumpuan murid lebih berfokus dalam pembelajaran di bilik darjah dengan jumlah murid ideal atau selesa seramai 30 orang dalam bilik darjah. Namun, cadangan ini tidak selari dengan pertambahan penduduk yang pesat di Selangor dan pembinaan sekolah baharu bagi taman perumahan yang sedang dibina. Pembinaan sekolah baharu ketika ini adalah berdasarkan jumlah kepadatan penduduk serta murid di sekolah berhampiran.

Tahap kepadatan bilik darjah di sekolah bergantung kepada lokasi sekolah dan keluasan bilik darjah sama ada boleh memuatkan purata 25 murid, 35 murid dan 36 hingga 40 murid. KPM berpandangan, keutamaan pembinaan sekolah baharu perlu mengambil kira kepadatan sekolah sedia ada mengikut lokasi. Sebagai langkah

penyelesaian jangka masa pendek, KPM akan meneliti beberapa bilik khas yang berpotensi di sekolah sedia ada untuk ditukar fungsi menjadi bilik darjah berdasarkan keperluan dan kesesuaian pelaksanaannya bagi menyelesaikan isu kepadatan sekolah.

Pendapat Audit | **Sasaran KPM untuk mengurangkan lebihan murid dan seterusnya menjadikan semua sekolah satu sesi menjelang tahun 2025 adalah sukar dicapai. Ini disebabkan kekangan di peringkat KPM untuk merancang pembinaan sekolah baharu selaras dengan unjuran PBT. Selain itu, kelemahan dalam perancangan dan pelaksanaan projek sekolah baharu oleh KPM dan kontraktor juga menyumbang kepada ketidakcapaian objektif yang ditetapkan.**

5.2. Pengurusan Projek

Ketidakcapaian sasaran turut disumbangkan oleh kelemahan dalam pengurusan projek meliputi peringkat pengurusan kewangan dan pelaksanaan projek. Semakan Audit terhadap setiap peringkat pengurusan projek ini mendapati perkara seperti berikut:

5.2.1. Pencapaian Kewangan

5.2.1.1. Prestasi Kewangan Projek

Berdasarkan Laporan Belanjawan KPM bagi tempoh tahun 2016 hingga tahun 2021, sejumlah RM12.219 bilion telah diperuntukkan bagi tempoh tahun tersebut untuk projek pembinaan sekolah. Sejumlah RM10.548 bilion (86.3%) telah dibelanjakan dengan prestasi perbelanjaan tahunan antara 50.9% hingga 99.9%. Prestasi perbelanjaan adalah rendah pada tahun 2016 dan 2017, antaranya disebabkan kelewatan memulakan pelaksanaan projek. Bagaimanapun, prestasi perbelanjaan pada tahun 2020 dan 2021 telah mencapai 100%. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
PENCAPAIAN KEWANGAN PROJEK PEMBINAAN SEKOLAH DI BAWAH RMKe-11

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
		RM JUTA	%
2016	1,872.23	952.27	50.9
2017	1,101.66	846.87	76.9
2018	1,590.44	1,511.23	95.0
2019	2,318.62	1,901.54	82.0
2020	2,694.99	2,694.99	100.0
2021	2,641.33	2,641.33	100.0
JUMLAH	12,219.27	10,548.23	86.3

Sumber: Laporan Belanjawan KPM Tahun 2016 Hingga 2021

5.2.1.2. Peningkatan Kos Projek Selepas Projek Dimulakan

- Dokumen kontrak perjanjian perkhidmatan perunding klaus 5.1 (b), menetapkan perunding hendaklah mempunyai pengetahuan terhadap keperluan semasa PBT dan undang-undang kecil serta hendaklah menasihati Kerajaan terhadap perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan projek. Klaus 5.5 (a) pula menetapkan perunding hendaklah menyediakan reka bentuk yang sesuai, berfungsi, selamat dan mematuhi piawaian reka bentuk serta spesifikasi kerja. Berdasarkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, *Safety Health Officer* (SHO) hendaklah ditempatkan sepenuh masa di tapak projek bagi kontrak bernilai melebihi RM20 juta.
- Semakan Audit terhadap Kelulusan Perubahan Kerja (KPK) dan APK bagi 18 projek termasuk tiga projek yang dilaksanakan oleh kontraktor penyiap tetapi tidak termasuk satu projek yang dilaksanakan secara CSR oleh pemaju mendapati perkara berikut:
 - Kelemahan reka bentuk oleh perunding bagi lima projek menyebabkan tambahan kos berjumlah RM2.16 juta.**
Semakan lanjut mendapati tiada bukti menunjukkan tindakan telah diambil terhadap perunding tersebut. Ini disebabkan klaus dalam dokumen kontrak tidak menetapkan secara terperinci pengiraan denda berkaitan kelemahan dalam penyediaan reka bentuk yang boleh dikenakan oleh pihak Kerajaan kepada perunding. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
KELULUSAN APK DISEBABKAN KELEMAHAN REKA BENTUK OLEH PERUNDING

BIL.	PROJEK	APK NO.	KETERANGAN APK	AMAUN (RM)
1.	SJKT Taman Sentosa	2	Mereka bentuk semula kerja-kerja cerucuk (<i>pile</i>) dan tetopi cerucuk (<i>pile cap</i>) di bangunan makmal & bengkel	691,561
		3	<ol style="list-style-type: none"> Cadangan penggunaan lapisan <i>geotextile</i> di kawasan perhimpunan dan jalan dalaman Cadangan penggunaan sistem asas <i>pad</i> pada reka bentuk asal pagar utama sekolah Pertukaran reka bentuk pembinaan <i>inspection chamber</i> dari bata konkrit tulang (<i>reinforced concrete</i>) dan pertambahan sistem asas <i>pad</i> Perubahan reka bentuk pembinaan <i>apron</i> Kerja cerucuk - pertukaran saiz dari 300mm x 300mm kepada 250mm x 250mm di blok tadika & kantin, penambahan cerucuk baru di blok TNB <i>Sub-station</i> dan penambahan bilangan cerucuk (<i>point</i>) di blok utama disebabkan keperluan sistem <i>Industrialised Building System</i> 	852,423
JUMLAH				1,543,984

BIL.	PROJEK	APK NO.	KETERANGAN APK	AMAUN (RM)	
2.	SK Putra Height 2 (Projek penyiap)	7	Kerja-kerja tambahan <i>main building</i>	287,369	
		8	Kerja-kerja <i>walkway</i> di blok D ke blok C dan blok kantin ke blok C	109,309	
		9	<i>Replaced door & hacking works</i>	1,184	
		10	Kerja-kerja perpaipan di bilik Kemahiran, Pendidikan Seni dan bilik Sains 1 & 2	9,611	
		12	Perabot bina dalam dan <i>workstation</i>	18,785	
		13	Kerja-kerja elektrik dan mekanikal	16,922	
		15	Tempat wuduk dan sistem perpaipan	6,016	
JUMLAH				449,196	
3.	SK Saujana Putra	2	Pertambahan item bagi <i>suction tank</i>	15,320	
JUMLAH				15,320	
4.	SK Taman Pelangi	1	Perubahan ketebalan lantai koridor dari 150mm kepada 225mm	129,513	
JUMLAH				129,513	
5.	SMK Nilai Impian	2	Membuat kerja-kerja rekifikasi pada peralihan tiang dan perubahan pada <i>beam</i>	5,515	
		3	Menyediakan sistem loceng di Blok Pentadbiran	6,276	
		6	Perubahan skop kerja landskap	7,335	
JUMLAH				19,126	
JUMLAH KESELURUHAN				2,157,139	

Sumber: Dokumen KPK dan APK

- ii. Kelemahan perunding bagi enam projek dalam **mengenal pasti keperluan di peringkat PBT dan syarikat utiliti menyebabkan tambahan kos berjumlah RM1.26 juta**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19 KELULUSAN APK DISEBABKAN KELEMAHAN PERUNDING MENGENALPASTI KEPERLUAN PBT

BIL.	PROJEK	APK NO.	KETERANGAN APK	AMAUN (RM)
1.	SJKT Taman Sentosa	5	Perubahan lokasi bangunan pencawang TNB, pertukaran pintu dan pagar dari jenis <i>chainlink</i> kepada <i>anti climb</i> dan tambahan <i>manhole</i>	171,549
JUMLAH				171,549
2.	SJKT Taman PJS 1	2	Kerja-kerja pengubahsuai sistem telekomunikasi (NSP) daripada <i>incoming cooper</i> kepada <i>incoming fiber</i>	22,382
		3	Kerja-kerja pengubahsuai <i>compact sub-station</i> berdasarkan syarat-syarat TNB	24,206
		4	Perubahan dan pertambahan kerja-kerja sivil	26,369
		5	Perubahan paip retikulasi bekalan air luar	73,073
		6	Perubahan skop kerja Telekom TM	54,194
		7	Pertambahan kerja infra (lampa jalan, lampu isyarat, penggera bunyi dan cahaya)	124,433
		JUMLAH		324,657
3.	SK Taman Merdeka	2	Menggantikan CMS sistem sedia ada kepada Sistem Pengawasan Kebakaran (SPKA)	4,296
		3	Membekal dan memasang <i>aviation light system</i>	4,500
		4	Membekal dan memasang <i>street lighting system</i>	488,775
JUMLAH				497,571

BIL.	PROJEK	APK NO.	KETERANGAN APK	AMAUN (RM)	
4.	SMK Krubong	5	Pertambahan <i>aircond ledge</i> di blok pentadbiran dan akademik	31,889	
		6	Keperluan tambahan lampu jalan	55,140	
		7	Keperluan tambahan bilangan <i>hose reel</i>	7,363	
JUMLAH				94,392	
5.	SK Putra Height 2	2	Pertambahan Lampu Isyarat pejalan kaki	70,370	
		3	Kerja-kerja perubahan telefon <i>manhole</i>	550	
JUMLAH				70,920	
5.1	SK Putra Height 2 (Projek penyiap)	5	Membekal dan memasang <i>white board</i> dan <i>soft board</i> jenis <i>movable</i> (perubahan kerja untuk NSC - perabot bina dalam dan terlerai)	28,830	
		11	Kerja-kerja <i>rubber wall at bus lay by</i>	14,030	
JUMLAH				42,860	
6.	SMK Nilai Impian	1	Menyediakan tambahan tempat letak kenderaan di atas rizab jalan	56,797	
		4	Tambahan petak kuning di hadapan pintu pagar pencawang elektrik TNB	306	
JUMLAH				57,103	
JUMLAH KESELURUHAN				1,259,052	

Sumber: Dokumen KPK dan APK

- iii. Pelantikan SHO tidak dimasukkan dalam dokumen kontrak projek SMK Krubong menyebabkan KPM perlu memperuntukkan kos tambahan sejumlah RM170,729 untuk pelantikan SHO projek tersebut.

Maklum balas KPM yang diterima pada 6 Julai 2022

Kehendak/perubahan PBT adalah di luar bidang kuasa perunding. Adalah sukar untuk mengenal pasti kecuaian pada peringkat awalan oleh perunding melainkan perunding gagal atau terlibat dengan kegagalan pemantauan terhadap kontraktor. KPM telah mengeluarkan Surat Tunjuk Sebab bertarikh 23 Mei 2022 kepada perunding berkaitan pelantikan SHO.

5.2.1.3. Kelemahan Dalam Pengurusan Bayaran

a. Bayaran Kepada Kontraktor

- i. Klausula 28.3 dokumen kontrak menetapkan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh penilaian dibuat, Pegawai Penguasa (PP) hendaklah mengeluarkan Perakuan Bayaran Interim menyatakan jumlah yang perlu dibayar kepada kontraktor. Selanjutnya, Klausula 28.6 menetapkan dalam masa 30 hari daripada tarikh pengeluaran Perakuan Bayaran Interim, Kerajaan hendaklah membuat bayaran kepada kontraktor.
- ii. Analisis Audit terhadap 194 baucar bayaran interim bagi 13 projek mendapati perakuan PP terhadap 193 tuntutan kontraktor berjumlah RM132.37 juta telah dibuat antara 17 hingga 171 hari selepas penilaian.

Selanjutnya, sebanyak 80 (41.2%) baucar bayaran berjumlah RM54.48 juta telah mengambil masa melebihi 30 sehingga 202 hari untuk diproses oleh KPM selepas perakuan PP.

- iii. Analisis Audit selanjutnya mendapati berlaku **kelewatan bayaran secara berturut-turut dan terkumpul** bagi projek SJKT Taman PJS 1, SK Denai Alam, SK Taman Pelangi dan SMK Nilai Impian. Kelewatan bayaran melibatkan antara dua hingga empat tuntutan bayaran interim. Tuntutan ini telah diproses antara 46 hingga 275 hari berbanding ketetapan bayaran 44 hari (14 hari untuk perakuan oleh PP dan 30 hari untuk proses bayaran). Kelewatan bayaran oleh KPM mencecah antara RM49,759 hingga RM4.49 juta mengikut projek. Kelewatan bayaran ini boleh menjelaskan kedudukan kewangan dan aliran tunai kontraktor. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
TUNTUTAN BAYARAN INTERIM LEWAT DIBAYAR

BIL.	PROJEK	INTERIM	AMAUN (RM)	TARIKH PENILAIAN KERJA	TARIKH BAUCAR BAYARAN	TEMPOH (Hari)
				(a)	(b)	c = (b) – (a)
1.	SJKT Taman PJS 1	2	117,394	25.07.2019	20.11.2019	118
		3	722,469	29.08.2019	20.11.2019	83
		4	391,681	26.09.2019	22.11.2019	57
		JUMLAH	1,231,544			
2.	SK Denai Alam	1	232,380	03.01.2021	05.10.2021	275
		2	596,852	31.03.2021	06.10.2021	189
		JUMLAH	829,232			
3.	SK Taman Pelangi	2	20,936	14.02.2019	29.05.2019	104
		3	28,823	11.03.2019	29.05.2019	79
		JUMLAH	49,759			
		13	109,239	30.01.2020	05.05.2020	96
		14	92,368	27.02.2020	05.05.2020	68
		JUMLAH	201,607			
4.	SMK Nilai Impian	2	108,600	15.05.2018	21.11.2018	190
		3	168,300	03.07.2018	22.11.2018	142
		4	375,600	06.08.2018	22.11.2018	108
		JUMLAH	652,500			
		9	961,600	07.01.2019	14.05.2019	127
		10	1,033,300	30.01.2019	14.05.2019	104
		11	970,000	07.03.2019	14.05.2019	68
		12	1,525,400	29.03.2019	14.05.2019	46
		JUMLAH	4,490,300			
		17	988,800	30.08.2019	03.12.2019	95
		18	1,217,800	04.10.2019	03.12.2019	60
		JUMLAH	2,206,600			

Sumber: Baucar Bayaran Interim Kontraktor

iv. Kelewatan bayaran ini antaranya disebabkan penurunan kuasa kepada Wakil PP tidak dibuat di peringkat pengurusan projek di bawah KPM. Antara tugas Wakil PP yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perbendaharaan PK 4.7, Perenggan 3 adalah membuat perakuan bayaran bagi pihak PP. Selain itu, kelewatan bayaran juga disebabkan beberapa faktor antaranya dokumen tuntutan tidak lengkap, kuri daripada seksyen bayaran atau kesilapan dalam pengiraan dan dokumen sokongan.

Maklum balas KPM yang diterima pada 3 Jun 2022

Bagi tujuan penambahbaikan dan pemantauan bayaran supaya dapat dibuat dalam tempoh yang ditetapkan, KPM telah menggunakan Borang Rekod Tindakan Perakuan Bayaran. Selepas penggunaan borang tersebut, pembayaran telah dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan.

b. Bayaran Kepada Perunding

Garis Panduan Penyediaan RMKe-11 rujukan UPE(S)12-11/14/5 bertarikh 19 Disember 2014 menetapkan kementerian perlu memulakan kerja peringkat pra pelaksanaan sebaik sahaja mendapat senarai projek daripada UPE. Manual Proses Kerja BPP, KPM bertarikh 18 Mei 2018 pula menetapkan proses kerja pelantikan kontraktor dibuat selepas penyediaan reka bentuk oleh perunding yang dilantik. Manakala, Pekeliling Perbendaharaan, PK 3.8, Para 5.1, menetapkan bayaran kepada perunding selepas SST dikeluarkan dan sebelum dokumen perjanjian ditandatangani tidak dibenarkan bagi semua perolehan perunding. Semakan Audit terhadap pengurusan bayaran kepada perunding mendapati perkara berikut:

- i. Lantikan perunding bagi projek SK Taman Merdeka dibuat sebelum kelulusan projek oleh UPE. Bayaran berjumlah RM55,642 telah dibuat sebelum dokumen perjanjian ditandatangani.
- ii. Lantikan perunding bagi SK Putra Height 2 dan SK Bandar Enstek dibuat selepas pelantikan kontraktor dan bayaran berjumlah RM764,195 telah dibuat sebelum dokumen perjanjian ditandatangani.
- iii. Bayaran kepada perunding berjumlah RM741,965 bagi projek SK Ukay Sungai Sering dibuat sebelum dokumen perjanjian ditandatangani.
- iv. Bayaran-bayaran di atas berlaku disebabkan arahan KPM bertarikh 9 dan 17 Ogos 2010 supaya menyegerakan bayaran kepada perunding sekurang-kurangnya 30% atau 35% daripada 50% kerja yang telah dilaksanakan. Butiran lanjut bayaran kepada perunding yang tidak mengikut peraturan adalah seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
BAYARAN KEPADA PERUNDING SEBELUM KONTRAK DIMETERAI

BIL.	PROJEK	PERUNDING	TARIKH SST PERUNDING	TUNTUTAN		
				NO. BAUCAR	TARIKH	AMAUN (RM)
1.	SK Taman Merdeka	QS	07.04.2016	R7019	29.08.2008	55,642
			M&E			
JUMLAH						55,642
2.	SK Putra Height 2	Semua perunding	11.08.2011	A6934	05.08.2010	3,921
				A8610	24.09.2010	258,946
				B0483	28.10.2010	110,495
				A8944	14.09.2010	37,045
				B1107	11.11.2010	95,653
JUMLAH						506,060
3.	SK Bandar Enstek	Semua perunding	29.05.2012	A3510	22.03.2010	219,629
				A5558	12.05.2010	2,300
				A5559	20.04.2010	4,601
				B6869	19.10.2011	31,605
JUMLAH						258,135
4.	SK Ukay Sungai Sering	Semua perunding	10.06.2016	A8566	23.09.2010	333,817
				B0458	24.01.2011	64,142
				B1777	29.11.2010	130,806
				B2101	27.12.2010	213,200
JUMLAH						741,965

Sumber: Dokumen Kontrak Perkhidmatan Perunding dan Baucar Bayaran Yuran Perunding

Nota: QS - *Quantity Surveyor*; M&E - *Mechanical and Electrical*

Maklum balas KPM yang diterima pada 11 April 2022

Bagi semua projek baharu, pelantikan perunding hanya akan dibuat setelah projek diluluskan dan projek didaftarkan dalam Sistem MyProjek di ICU. KPM telah membuat penambahan pelantikan perunding yang baharu melalui *Deliverables* standard perunding yang mula dilaksanakan pada tahun 2021.

KPM mengambil maklum bayaran kepada perunding bagi empat projek dibuat sebelum SST dikeluarkan dan dokumen perjanjian dimeterai. KPM telah mengeluarkan surat niat kepada perunding pada 27 Jun 2008 dan 20 April 2010. Perunding telah menyediakan reka bentuk dan dokumen tender sehingga *As Tendered Detailed Abstract* (ATDA) berdasarkan surat niat. Kos yuran perunding dikira berdasarkan ATDA dan diangkat untuk kelulusan Pihak Berkuasa Melulus. Seterusnya SST lantikan perunding dikeluarkan. Namun, tatacara ini tidak lagi dilaksanakan di KPM.

Pendapat Audit	Kelemahan di peringkat perancangan oleh KPM dan perunding menyebabkan Kerajaan menanggung peningkatan kos dalam pelaksanaan projek melalui APK yang diluluskan. Selain itu, bayaran kepada perunding yang dibuat sebelum dokumen perjanjian ditandatangani adalah tidak teratur.
-----------------------	---

5.2.2. Pelaksanaan Projek

Kelemahan dalam proses pelaksanaan projek telah menyumbang kepada tempoh yang lama dalam penyiapan projek yang diaudit. Selain itu, berlaku kelemahan dalam pengurusan pengeluaran Perakuan Kerja Tidak Siap (PKTS) dan kerosakan fasiliti di tapak projek seperti di perenggan berikut:

5.2.2.1. Masa Kontrak dalam Keadaan Tergantung (Time is at Large)

- a. Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan, PK 2.1, Lampiran 2.26, Perenggan 6.9, sekiranya kontraktor gagal menyiapkan kerja pada tarikh yang ditetapkan, PKTS hendaklah dikeluarkan serta merta kepada kontraktor dan LAD dikenakan. Mengikut perenggan 6.8, kelewatan pengeluaran PKTS boleh menyebabkan masa kontrak dalam keadaan tergantung (time is at large) dan Kerajaan boleh kehilangan hak menetapkan tempoh penyiapan kontrak dan hak di bawah syarat kontrak berkaitannya. Mengikut dokumen kontrak, klausula 40.2, setelah PP mengeluarkan PKTS, kerajaan boleh membuat tuntutan kepada kontraktor melalui LAD bermula daripada tarikh PKTS dikeluarkan sehingga Perakuan Siap Kerja atau tarikh penamatan kontrak.
- b. Semakan Audit mendapati Projek SJKT Taman PJS 1 telah diluluskan EOT kedua dan tarikh tamat tempoh kontrak semasa adalah pada 19 Mac 2021. Bagaimanapun, projek masih gagal disiapkan dalam tempoh EOT tersebut dan KPM hanya mengeluarkan PKTS pada 15 April 2021, iaitu kelewatan selama 28 hari. Selain itu, **empat projek yang masih dalam pelaksanaan dan telah tamat tempoh kontrak semasa antara 22 Februari hingga 3 September 2021 masih belum dikeluarkan PKTS sehingga 31 Disember 2021, iaitu kelewatan antara 119 hingga 312 hari.** Butiran Lanjut adalah seperti dalam **Jadual 22.**

JADUAL 22
KELEWATAN MENGELOUARKAN PKTS

BIL	PROJEK SEKOLAH	TARIKH TAMAT KONTRAK YANG DIBENARKAN	TARIKH SURAT KELULUSAN EOT	TARIKH PKTS	KELEWATAN (Hari)	LAD YANG TIDAK DIKENAKAN** (RM Juta)	STATUS KONTRAK SEHINGGA 31.12.2021
		(a)		(b)	(c)=(b)-(a)		
1.	SJKT Taman PJS 1						
1.1.	Kontrak Asal	15.09.2019	12.11.2019	12.11.2019	59	LAD telah dikenakan	Belum siap: (98.5%)
1.2.	Selepas EOT 1	25.12.2020	18.08.2020	-	-		
1.3.	Selepas EOT 2	19.03.2021	-	15.04.2021	28		
2.	SK Nilai Impian						
2.1.	Kontrak Asal	10.02.2020	03.02.2020***	-	-	1.29	Belum siap (99.0%)
2.2.	Selepas EOT 1	27.07.2020	17.07.2020***	-	-		
2.3.	Selepas EOT 2	19.10.2020	13.09.2021	-	-		
2.4.	Selepas EOT 3	22.02.2021	-	Belum dikeluarkan	312*		
3.	SMK Krubong						
3.1.	Kontrak Asal	30.03.2020	29.07.2020	31.03.2020	1	0.87	Belum siap (99.0%)
3.2.	Selepas EOT 1	22.10.2020	01.07.2021	23.10.2020	1		
3.3.	Selepas EOT 2	21.11.2020	01.07.2021	01.07.2021	223		
3.4.	Selepas EOT 3	20.06.2021	-	Belum dikeluarkan	194*		
4.	SK Krubong 2						
4.1.	Kontrak Asal	06.11.2020	30.11.2020	-	-	0.68	Belum siap (25.0%)
4.2.	Selepas EOT 1	11.06.2021	29.07.2021	-	-		
4.3.	Selepas EOT 2	03.09.2021	-	Belum dikeluarkan	119*		
5.	SK Taman Pelangi						
5.1.	Kontrak Asal	19.10.2020	25.11.2019	26.11.2021	-	0.74	Belum siap (58.0%)
5.2.	Selepas EOT 1	24.03.2021	29.07.2021	Tidak dikeluarkan	-		
5.3.	Selepas EOT 2	16.06.2021	-	Belum dikeluarkan	198*		

Sumber: Dokumen Kontrak, Perakuan EOT dan PKTS

Nota: (*) - Sehingga 31 Disember 2021

(**) - Kadar LAD SK Nilai Impian Berjumlah RM4,121, SMK Krubong Berjumlah RM4,476, SK Krubong 2 Berjumlah RM5,680 dan SK Taman Pelangi Berjumlah RM3,726.

(***)- Berdasarkan Tarikh Keputusan Mesyuarat EOT Kerana Sijil EOT Tidak Dikemukakan.

- c. PKTS yang tidak dikeluarkan oleh KPM menyebabkan masa kontrak dalam keadaan tergantung (*time is at large*) dan LAD tidak dapat dikenakan kepada kontraktor. Berdasarkan kiraan Audit, LAD yang boleh dikenakan adalah berjumlah RM3.58 juta bermula daripada tarikh kontrak semasa tamat hingga 31 Disember 2021.

Maklum balas KPM yang diterima pada 11 dan 29 April 2022

SK Nilai Impian - Projek telah dikeluarkan CPC pada 3 Mac 2022 dengan kerja diperakuan siap pada 22 Februari 2021.

SMK Krubong - KPM telah meluluskan EOT No. 4 pada 7 Februari 2022 dengan tarikh siap baharu dilanjutkan pada 19 Ogos 2021. Selanjutnya, KPM telah mengeluarkan PKTS juga pada 7 Februari 2022 dengan kerja diperakuan tidak siap pada 19 Ogos 2021.

SK Krubong 2 - KPM telah meluluskan EOT No. 3 pada 24 Mac 2022 dengan tarikh siap baharu dilanjutkan pada 24 Januari 2022.

SK Taman Pelangi - KPM telah mengeluarkan PKTS pada 27 April 2022 dengan kerja diperakuan tidak siap pada 10 Mac 2022, iaitu tarikh siap baharu yang ditetapkan dalam EOT No. 3.

KPM telah melaksanakan Bengkel Pemantapan Pemantauan Pengurusan Projek pada 23 Mac hingga 25 Mac 2022 bagi mencari kaedah yang sesuai selain mengeluarkan amaran dengan memberi penekanan kepada penalti sebagai penambahbaikan untuk pengurusan projek akan datang. Selain itu, KPM akan memastikan PKTS dikeluarkan mengikut obligasi kontrak pada masa akan datang.

5.2.2.2. Kelewatan Pelantikan Kontraktor Penyiap

- a. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan, PK 4.5, Perenggan 5, agensi hendaklah memastikan pelantikan Kontraktor Penyiap bagi projek sakit tidak melebihi tiga bulan daripada Notis Penamatan (NP) dikeluarkan kepada kontraktor asal.
- b. Semakan Audit mendapati kontraktor Projek SK Putra Height 2, SK Bandar Enstek dan SK Saujana Putra telah ditamatkan kontrak masing-masing pada 14 Februari 2013, 20 Februari 2014 dan 20 Januari 2020 disebabkan gagal menyiapkan projek mengikut tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, **pelantikan kontraktor penyiap hanya dibuat pada tahun 2014 dan 2021, iaitu lewat antara tujuh hingga 14 bulan.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 23.**

JADUAL 23
PENAMATAN KONTRAKTOR ASAL DAN PELANTIKAN KONTRAKTOR PENYIAP

PROJEK SEKOLAH/ TAHUN LULUS UPE	KONTRAK ASAL		KONTRAK PENYIAP (DI TENDER SEMULA)		TARIKH AKHIR LANTIKAN KONTRAKTOR PENYIAP	TARIKH LANTIKAN KONTRAKTOR PENYIAP	TEMPOH KELEWATAN	STATUS PROJEK
	PERIHAL KONTRAK	TARIKH NP	TARIKH LANTIKAN	PERIHAL KONTRAK	(a)	(b)	(c)=(b)-(a)	
Projek: SK Bandar Enstek Kelulusan UPE: Tahun 2010	Kos kontrak: RM11.92 juta			Kos kontrak: RM8.97 juta				Siap: 29.02.2016
	Tempoh: 07.02.2011 – 06.05.2012	20.02.2014	26.12.2014	Tempoh: 13.01.2015 - 12.10.2015	20.05.2014	26.12.2014	7 bulan	
Projek: SK Putra Height 2 Kelulusan UPE: Tahun 2011	EOT: 473 hari			EOT: 140 hari				Siap: 13.04.2016
	Tarikh siap baru: 27.08.2013			Tarikh siap baru: 29.02.2016				
Projek: SK Saujana Putra Kelulusan UPE: Tahun 2015	Kos kontrak: RM18.06 juta			Kos kontrak: RM8.49 juta				Belum siap
	Tempoh: 23.02.2011 – 22.08.2012	04.12.2013	05.11.2014	Tempoh: 25.11.2014 - 26.10.2015	04.03.2014	05.11.2014	8 bulan	
	EOT: 153 hari			EOT: 143 hari				
	Tarikh siap baru: 20.03.2013			Tarikh siap baru: 17.03.2016				

Sumber: Dokumen Kontrak, Perakuan EOT, Notis Penamatan (NP), CPC dan Laporan Kemajuan Projek

Nota: (*) - Selepas 3 Bulan Tarikh NP

Maklum balas KPM yang diterima pada 11 April 2022

KPM akan memastikan projek yang melebihi jadual dipantau rapi dengan kerjasama agensi pusat seperti ICU, JPM dan mencadangkan langkah intervensi yang sesuai serta lawatan turun padang secara kerap agar projek dapat dilaksanakan mengikut jadual. Bagi penambahbaikan pengurusan projek, KPM telah mengadakan Bengkel Pemantauan Pengurusan Projek daripada 23 hingga 25 Mac 2022 yang melibatkan isu perunding bertujuan untuk memantapkan perkhidmatan perunding.

5.2.2.3. Kerosakan Fasiliti


- a. Manual Sekolah Selamat yang dikeluarkan oleh Bahagian Sekolah KPM menetapkan pihak sekolah hendaklah memastikan kemudahan di dalam kawasan sekolah berada dalam keadaan yang baik dan selamat.
- b. Semakan Audit terhadap surat daripada SK Taman Merdeka kepada Pejabat Pendidikan Daerah Melaka Tengah bertarikh 10 Mac 2021 mendapati pihak sekolah telah membuat permohonan siasatan keretakan bangunan sekolah. Permohonan tersebut adalah kali ketiga dibuat oleh pihak sekolah selepas permohonan pada 17 Ogos 2020 dan 19 Oktober 2020.
- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada 13 Julai 2021, JKR Melaka telah membuat lawatan pemeriksaan di SK Taman Merdeka. Laporan Pemeriksaan Kerosakan Bangunan oleh JKR Melaka bertarikh 4 Ogos 2021 menyatakan berlaku **kerosakan pada susur gajah yang sangat terjejas integriti strukturnya**. Kerosakan adalah disebabkan mendapan tanah yang melibatkan longkang parameter di kaki lima (apron) bangunan dan struktur konkrit tetulang tiang, rasuk dan tapak susur gajah. Bagaimanapun, kesemua bangunan blok sekolah adalah selamat untuk diduduki, manakala **susur gajah tidak selamat untuk diguna pakai pada jangka masa akan datang**. JKR Melaka telah mengesyorkan langkah keselamatan yang sewajarnya diambil dan kawasan terlibat perlu ditutup bagi menjamin keselamatan pengguna sebelum dan semasa kerja pembaikan dijalankan. Anggaran kos untuk membaik pulih keseluruhan kerja di sekolah tersebut berjumlah RM360,000.
- d. Lawatan Audit ke SK Taman Merdeka pada 21 Januari 2022 mendapati kerosakan yang dilaporkan oleh JKR Melaka masih belum dibaiki. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Gambar 6** hingga **Gambar 8**.

GAMBAR 6



SK Taman Merdeka, Melaka
- Keretakan Struktur Longkang dan Seluruh Bangunan
di Blok Akademik
(21.01.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 7



SK Taman Merdeka
- Keretakan di Bangunan Pra Sekolah
(21.01.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 8

SK Taman Merdeka, Melaka
- Keretakan Pada Struktur Longkang di Bangunan Kantin Sekolah dengan Ukuran 2cm (21.01.2022)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas KPM yang diterima pada 3 Jun 2022

Permohonan pelaksanaan penyenggaraan di SK Taman Merdeka telah dikemukakan oleh KPM kepada Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) pada 14 Mac 2022 susulan permohonan JPN Melaka pada 18 Januari 2022. KPKR telah memaklumkan persetujuan terhadap permohonan tersebut pada 21 April 2022. Penyenggaraan yang terlibat adalah terhadap dinding, susur gajah dan lain-lain yang berkaitan. Kos yang dianggarkan berjumlah RM396,000 dan perkara ini dalam perancangan untuk dilaksanakan oleh JKR.

Pendapat Audit

Kelemahan pentadbiran kontrak di peringkat KPM yang menyebabkan kontrak dalam keadaan tergantung boleh menjelaskan kepentingan Kerajaan. Kelewatan pelantikan kontraktor penyiap telah menjelaskan tempoh penyiapan projek. Selain itu, kelewatan pihak KPM membaik pulih kerosakan di SK Taman Merdeka boleh memberi risiko keselamatan kepada murid dan guru.

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel Audit, dapat dirumuskan bahawa pengurusan projek pembinaan sekolah adalah kurang cekap dan kurang berkesan. Ini kerana berlaku kelemahan di peringkat perancangan, pra pelaksanaan dan pelaksanaan projek oleh KPM, perunding dan kontraktor. Selain itu, masalah koordinasi dengan kerajaan negeri, PBT dan syarikat utiliti serta isu ketersediaan tapak projek turut menyumbang kepada kelewatan pelaksanaan projek. Keadaan ini menyebabkan objektif projek untuk menampung lebihan murid melalui pembinaan sekolah baharu dan ke arah sekolah satu sesi sukar dicapai.

7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang pada masa hadapan, pihak Audit mengesyorkan tindakan seperti berikut:

- 7.1. KPM disarankan melaksanakan sesi libat urus dengan semua pihak yang terlibat di peringkat persekutuan dan negeri serta memuktamadkan tanah tapak projek sebelum projek diangkat untuk kelulusan UPE bagi mengurangkan risiko kelewatan pelaksanaan projek;
- 7.2. KPM hendaklah memastikan tanah yang diserahkan sebagai rizab pendidikan oleh pemaju adalah tanah yang sesuai untuk pembinaan dan tidak memerlukan kerja tanah tambahan yang kompleks;
- 7.3. KPM hendaklah memperkemaskan prosedur dan proses pelaksanaan projek pembinaan sekolah supaya pengurusan lebih teratur dan mematuhi semua peraturan semasa yang berkuat kuasa; dan
- 7.4. KPM hendaklah menjalankan kajian semula untuk mengenal pasti keperluan semasa skop pembinaan sekolah bagi projek yang lewat dimulakan pelaksanaannya.